

Sosialis



PSM LETAK CALON PETANI DALAM PRU-14

Baca lanjut di m/s 6



**Dunia tanpa kerja,
mimpi indah
atau mimpi ngeri?**

> m/s 8-9



**Apa terjadi
pada Venezuela?**

> m/s 12-13



**Pekerja Ladang Bangi
dapat rumah percuma**

> m/s 5

Hari Pelarian Sedunia

> m/s 11

**Piagam Rakyat
Menentang Perjanjian
Perdagangan Bebas**

> m/s 4

Ahli Parlimen PSM isytihar harta 9 tahun berturut-turut

baca lanjut di m/s 16

DASAR PERJUANGAN PARTI SOSIALIS MALAYSIA

Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah satu parti politik rakyat Malaysia yang berasaskan prinsip dan ideologi sosialisme yang bersifat Perjuangan Rakyat berteraskan keadilan sosial dan ekonomi; bagi mewujudkan masyarakat demokratik yang aman, makmur, maju, berakhlak mulia dan saksama. Ia berjuang untuk memenuhi keperluan asas rakyat dan membebaskan rakyat daripada sebarang bentuk penindasan dan pemaksaan.

Bendera dan Lambang

Lambang parti ialah gengaman tangan kiri yang melambangkan perpaduan rakyat dan semangat perjuangan. Merah melambangkan perjuangan dan putih melambangkan kesucian dan keikhlasan dalam perjuangan.

Matlamat PSM

- ★ Mengamalkan prinsip sosialisme sebagai cara hidup.
- ★ Mempertahankan masyarakat demokratik dan progresif yang mengutamakan kerohanian, kemanusiaan dan keadilan sebagai asas ke arah pembangunan.
- ★ Memastikan strategi pembangunan yang mewujudkan hubungan seimbang antara keperluan sosial dan ekonomi di peringkat individu, masyarakat dan nasional.
- ★ Mengagihkan kekayaan secara adil dan saksama, Melaksanakan sistem sosioekonomi yang mempunyai mekanisme dalaman untuk menghalang penindasan dan sifat tamak.
- ★ Memberi peluang kepada rakyat berbilang kaum, jantina, agama, usia, pekerjaan dan menyertai proses mewujudkan persefahaman yang lebih jitu di kalangan kaum, agama dan budaya.
- ★ Mengukuhkan hak asasi manusia pada setiap peringkat masyarakat dan mendedahkan sebarang bentuk penindasan, nepotisme, hipokradi dan kepalsuan.
- ★ Menghormati Perlembagaan Persekutuan yang menekankan kepada hak demokratik dan toleransi bahasa, budaya dan agama.
- ★ Menjamin kebebasan bersuara, berpersatuan dan kecapaian intelektual memberi keutamaan dalam tanggungjawab sosial terhadap kebajikan pekerja dan keluarga menjamin hak pekerja untuk menubuhkan kesatuan pekerja memberi keutamaan institusi kekeluargaan khususnya kepada wanita yang mengandung, bayi, kanak-kanak, wargatua dan mereka kurang keupayaan.
- ★ Memastikan tidak berlaku penindasan dan diskriminasi di semua peringkat bagi sektor perindustrian dan pertanian.
- ★ Mewujudkan rasa saling menghormati, memahami dan tolak ansur di kalangan semua agama dan budaya.



- ★ Menyediakan peluang pendidikan percuma di semua peringkat dengan mewajibkan pendidikan di peringkat rendah dan menengah.
- ★ Memastikan penyertaan guru dan pelajar dalam proses menentukan haluan sistem pendidikan nasional.
- ★ Melindungi alam sekitar daripada pencemaran dan pembinaan.

★ Mengurangkan birokrasi dan menghapuskan karenah birokrasi yang mengekang pembangunan.

Mengapa Kita Perlu Satu Parti Sosialis?

Sistem yang ada kini telah gagal membawa kesejahteraan kepada rakyat yang majoriti. Sistem kapitalis ini hanya mengutamakan segelintir kecil masyarakat.

Untuk menumbangkan sistem kapitalis ini perlu ada sistem Sosialis yang lebih mementingkan aspek kemanusiaan, keadilan dan pengagihan kekayaan.

Parti Sosialis ini adalah untuk membela nasib majoriti rakyat iaitu para pekerja kilang, petani, nelayan, pekerja ladang, peniaga kecil, orang Asli, pelajar, pekerja semi-profesional dan sebagainya.

Masalah rakyat bukan di antara orang Melayu, Cina dan India atau di antara orang Islam dan bukan Islam. Tetapi orang kaya dan miskin. Kekayaan negara dimiliki dan dibolot oleh segelintir kecil masyarakat, anak dan kroni mereka. Manakala rakyat yang majoriti masih belum menerima bahagian.

Parti Sosialis lebih mementingkan isu-isu asas rakyat seperti pekerjaan, rumah, tanah, alam sekitar dan sebagainya. Parti Sosialis akan menyatukan tenaga semua golongan pekerja untuk mempertahankan hak kita.

Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah sebuah parti yang lahir dari perjuangan rakyat akarumbi di kilang, ladang dan kawasan miskin kota. Parti ditubuhkan sebagai alat untuk kaum pekerja dan golongan berpendapatan rendah dan menengah untuk hak mereka. PSM meneruskan perjuangan menentang rasuah, penyelewengan dan perkauman golongan yang memerintah. Selagi penindasan rakyat ada, perjuangan ini akan berterusan.

Alamat ibu pejabat PSM:
Parti Sosialis Malaysia
140A, Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields, 50470 Kuala Lumpur.
Tel/Faks: 03-22762247
Email: pusat@partisosialis.org
Laman web: <http://partisosialis.org/>

Untuk sumbangan, sila buat cek atas nama: Parti Sosialis Malaysia
No. Akaun Maybank: 512080337313



PSM adalah anggota kepada **Gabungan Kiri**, satu usahasama antara kumpulan dan individu dalam membina gerakan kiri sebagai alternatif untuk masyarakat Malaysia. <https://gabungkiri.wordpress.com/>

DARI MEJA PENGARANG

Dunia dan negara kita sedang berdepan dengan cabaran yang hebat. Krisis kapitalis global yang membawa kepada masalah pengangguran, kemiskinan, keganasan dan peperangan yang berterusan, di samping ancaman bencana alam sekitar akibat daripada aktiviti pengeluaran kapitalis yang mendatangkan pencemaran. Walaupun perkembangan teknologi semakin pesat, namun kebimbangan terhadap masa depan yang tidak menentu masih amat mendalam.

Tambahan pula, dalam keadaan politik dan ekonomi yang tidak menentu ini, golongan berhaluan kanan lampau telah mempermainkan dan mengapi-apikan sentimen perkauman, agama, xenofobia (perasaan takut pada warga asing), islamofobia, homofobia dan sebagainya untuk memecah-belahkan rakyat demi kepentingan politik segelintir kecil elit pemerintah. Kemunculan Donald Trump sebagai Presiden Amerika Syarikat merupakan manifestasi trend politik yang menghala ke kanan dalam situasi sosio-ekonomi dunia yang bergelora ini.

Namun, kemunculan trend politik mencondong ke haluan kanan bukan satu-satunya respon kepada krisis dunia pada hari ini. Golongan kiri yang membawa agenda politik yang bersifat pembebasan, mencabar sistem kapitalis dan memperjuangkan kesejahteraan rakyat jelata tanpa mengira perbezaan latar belakang, juga menunjukkan kemajuan dari segi sokongan dan perkembangan gerakan masyarakat. Mobilisasi rakyat dalam membawa isu-isu seperti perubahan iklim, anti-rasis, menentang dasar “penjimatan” (pemotongan perbelanjaan kebajikan sosial), anti-perang dan banyak lagi masih berterusan, malah ramai anak muda terlibat dalam perjuangan ini. Gelombang kebangkitan dalam gerakan rakyat menyokong calon kiri dalam pilihanraya AS pada tahun lepas, dan

juga pilihanraya umum United Kingdom baru-baru ini, jelas menunjukkan ramai di kalangan rakyat biasa mendahagakan perubahan sosial yang benar-benar mewujudkan alternatif yang menjamin kesejahteraan semua, bukannya hanya keuntungan segelintir kecil golongan korporat. Bukan sahaja adanya keinginan untuk perubahan, malah yang lebih penting lagi adalah gerakan rakyat dari bawah yang mampu mencipta perubahan.

Di Malaysia, senario politik di negara kita pula nampaknya agak hambar kebelakangan ini walaupun rejim pemerintahan UMNO-BN menghadapi pelbagai krisis. Ini kerana parti-parti pembangkang aliran utama yang sepatutnya menampilkan diri sebagai alternatif atau pengganti kepada rejim yang sedia ada, tidak dapat menyakinkan rakyat bahawa mereka mempunyai kekuatan, perancangan jelas dan visi yang berpandangan jauh untuk mengambilalih kuasa pemerintahan serta membawa negara kita menuju ke masa depan yang lebih cerah. Masalah dalaman yang melibatkan 4 parti utama dalam gabungan politik pembangkang aliran utama masih belum selesai, di samping tidak menawarkan visi perubahan yang jelas. Lebih-lebih lagi, pendekatan oportunis untuk kerjasama dengan politikus yang datang daripada rejim yang sama, juga mengundang pelbagai persoalan tentang kekuatan sebenar kuasa progresif dalam pembangkang aliran utama dan keefektifannya untuk membawa perubahan yang bermakna kepada rakyat.

Oleh yang demikian, rakyat marhaen tiada pilihan lain selain terus membina alternatif kita sendiri dari bawah, satu alternatif kiri yang meletakkan kepentingan rakyat biasa di depan segala kepentingan golongan elit politik dan oportunis. ##

Langganlah Akhbar Sosialis Sekarang!

Jika anda mahu **AKHBAR SOSIALIS** dipos terus kepada anda, maka anda boleh berlanggan terus dengan kami.

Harga solidariti (termasuk harga setem) RM25 setahun (12 keluaran akhbar **SOSIALIS** Bahasa Melayu)

Nama: _____

Alamat: _____

Telefon: _____

Faks: _____

Cek / Wang Pos / Draf Bank atas nama **PARTI SOSIALIS MALAYSIA**

Hantar kepada **Parti Sosialis Malaysia**
140A, Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields
50470 Kuala Lumpur

Tel/Faks: 03-22762247
Laman web: <http://partisosialis.org/>

Malam Dana Perjuangan

Parti Sosialis Malaysia (PSM) telah menganjurkan majlis jamuan Malam Dana Perjuangan Nasional PSM 2017 pada 20 Mei lalu di Dewan Chin Woo, Kuala Lumpur.

Para hadirin telah dihibur dengan persembahan lagu daripada Brian Gomez, Francis Wolf, Ayam Hitam dan sebagainya.

Selain persembahan lagu dan puisi, pemimpin PSM dan wakil masyarakat sivil juga memberikan ucapan, termasuk Sarasvathy (Timbalan Pengerusi Nasional PSM), Sivarajan Arumugam (Setiausaha Agung PSM), Arutchelvan (AJK Pusat PSM), Jayanath (Saya Anak Bangsa Malaysia) dan Chong Yee Shan (Diversity).

Dalam ucapannya dalam majlis makan malam ini, Arul mengatakan bahawa PSM bersedia meletakkan lebih calon dalam pilihanraya akan datang untuk membawa isu-isu rakyat ke depan. Walaupun menang kalah

dalam pilihanraya bukannya sesuatu yang penting bagi PSM, tetapi PSM berpandangan bahawa pentingnya untuk menonjolkan isu-isu rakyat dan menawarkan alternatif kiri yang mencabar sistem kapitalis yang mewujudkan ketidakadilan sosial.

PSM mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah menyumbang kepada Dana Perjuangan Nasional PSM.

PSM berjaya mengutip lebih kurang RM 78,000 dalam program Malam Dana Perjuangan Nasional PSM tahun ini. Angka ini sebenarnya masih tidak cukup lagi. PSM masih memerlukan banyak sumber kewangan untuk menggerakkan perjuangan rakyat secara berterusan.

Sumbangan kewangan masih diperlukan daripada semua pihak yang menyokong agenda politik PSM untuk memperjuangkan demokrasi sejati dan keadilan sosial.

Sumbangan ikhlas boleh disalurkan kepada:
Nama akaun: Parti Sosialis Malaysia
No akaun: 512080337313
Alamat bank: Maybank Subang Perdana, Subang, Selangor, Malaysia
Swift Code: MBBEMYKL



Konsert Titisan Peluh ke-30

Konsert Titisan Peluh ke-30 telah diadakan pada 13 Mei lalu di Sungai Siput, Perak. Program anjuran Gabungan Pekerja Sungai Siput ini diadakan setiap tahun pada bulan Mei untuk meraikan Hari Pekerja. Persembahan lagu, tarian dan drama yang membawa mesej tentang isu pekerja telah memeriahkan malam konsert ini.

Sivarajan Arumugam, Setiausaha Agung PSM, turut hadir dalam konsert ini dan menyampaikan ucapan.

Kursus Hak Pekerja

Biro Pekerja PSM telah bermula menjalankan Kursus Hak Pekerja. Kursus sebegini telah diadakan di Johor Bahru (Johor), Kapar (Selangor) dan Rembia (Melaka). Sesiapa yang ingin mengadakan kursus di kawasan sendiri, boleh hubungi 010-2402159 atau 016-4407422.



Petani Mambang Diawan dapat kemenangan kecil



Pada 26 Mei lalu, petani dan penternak dari Mambang Diawan, Perak, telah mendapat satu kemenangan di Mahkamah Majistret Kampar, apabila keputusan majistret berpihak pada para petani.

Petani dan penternak Mambang Diawan menghadapi ancaman pencerobohan tanah daripada syarikat pemaju Delscon Property Sdn Bhd. Petani dan penternak Mambang Diawan telah membuat satu aduan kepada Majistret Kampar pada 16 Ogos 2016, di bawah Seksyen 99 Kanun Prosedur Jenayah (Pertikaian Tanah dan Pecah Keamanan) terhadap Delscon Property Sdn Bhd.

Kes ini telah berjalan selama 10 bulan. Akhirnya pada 26 Mei lalu, Mahkamah Majistret memerintahkan

bahawa Seng Siew Peng dan petani-petani lain yang berkenaan mempunyai milikan bagi tanah yang menjadi pertikaian tersebut dan berhak memiliki tanah tersebut sehingga disingkirkan dengan cara undang-undang yang sah! Sehingga itu, syarikat Delscon Property Sdn Bhd tidak boleh menceroboh dan mengganggu petani-petani tanpa proses undang-undang yang sah.

Keputusan mahkamah ini merupakan satu kemenangan kecil tetapi penting untuk petani dan penternak Mambang Diawan dalam usaha mempertahankan tanah pertanian mereka.

Para petani diwakili oleh peguam Bawani KS, yang juga merupakan aktivis PSM Cawangan Kampar.

Arul disoal siasat berkenaan Himpunan 1 Mei

Arutchelvan, AJK Pusat PSM, telah dipanggil oleh polis untuk disoal siasat di Ibu pejabat Polis Daerah Dang Wangi pada 17 Mei lalu.

Arul telah disiasat di bawah Seksyen 9(5) Akta Perhimpunan Aman berkenaan dengan penglibatannya dalam aksi himpunan Hari Pekerja pada 1 Mei lalu.

Aksi himpunan 1 Mei telah berlangsung dengan aman dan lancarnya sekali tanpa apa-apa insiden. Namun, siasatan polis menggunakan Akta Perhimpunan Aman ini mempunyai unsur-unsur intimidasi terhadap aktivis sosial. Intimidasi sebegini merupakan ancaman kepada hak untuk kebebasan berhimpun di negara kita.

Rakyat Malaysia mempunyai hak untuk kebebasan berhimpun secara aman berlandaskan Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Penganjur Himpunan 1 Mei tahun ini sudah memaklumkan kepada pihak polis 10 hari sebelum program tersebut seperti yang diperuntukkan dalam Akta Perhimpunan Aman 2012.



KURSUS PERCUMA

Apa kata undang-undang pekerjaan tentang hak pekerja?

Jika anda ada minimum 10 orang peserta, sila hubungi kami

010-2402159 / 016-4407422

Piagam Rakyat Menentang Perjanjian Perdagangan Bebas

oleh Sivarajan

Julung kalinya, PSM telah menganjurkan satu sidang meja bulat yang dihadiri oleh pelbagai organisasi masyarakat sivil untuk menggariskan dokumen khas yang dikenali sebagai “Piagam Rakyat Terhadap Perjanjian Perdagangan Antarabangsa”. Forum yang telah diadakan pada 26 April lalu ini, berjaya menganalisis isu-isu kritikal yang wujud dalam perjanjian perdagangan bebas (FTA) seperti Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) dan bagaimana ianya menjejaskan kehidupan dan hak asasi rakyat Malaysia.

Seterusnya, para peserta sidang meja bulat ini melontarkan pelbagai idea yang patut disertakan dalam piagam ini, demi melindungi hak rakyat apabila Malaysia menyertai mana-mana rundingan perjanjian perdagangan bebas dengan mana-mana negara dunia. Antara keputusan yang diambil dalam sidang meja bulat itu adalah seperti berikut:

1. Kerajaan harus mengutamakan dasar keseluruhan pembangunan negara dan memastikan intipati rundingan mana-mana perjanjian perdagangan bebas ini adalah selaras dengan dasar pembangunan negara, bukan sahaja memenuhi pembangunan ekonomi pihak korporat dan syarikat swasta tetapi pembangunan taraf hidup rakyat.
2. Perlembagaan Persekutuan dan prinsip demokrasi mestilah sentiasa dipelihara.

3. Sedar bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang bebas dan merdeka, maka sesuatu perjanjian perdagangan tidak boleh merampas hak mentadbir diri kita sendiri tanpa tekanan luar.
4. Perjanjian perdagangan bebas seharusnya inklusif, tidak meninggalkan mana-mana sektor masyarakat.
5. Semua perjanjian perdagangan bebas mestilah melalui sesi konsultatif yang ikhlas dan menyeluruh.
6. Hak intelek rakyat dan komuniti minoriti, seperti hak akses kepada benih tempatan dan pengetahuan warisan mengenai tatacara pertanian haruslah dihormati dan dipelihara daripada dirampas oleh syarikat korporat besar. Pengetahuan warisan masyarakat tidak boleh dipaten dan dijadikan hakmilik oleh mana-mana syarikat korporat.
7. Pelihara industri kecil tempatan dan jaminan makanan dalam negeri (sekuriti makanan dalam negeri).
8. Kerajaan harus melaksanakan Kajian Impak Hak Asasi Manusia dan Kajian Impak Sosial dan Alam Sekitar terlebih dahulu sebelum menyertai atau menandatangani mana-mana perjanjian perdagangan bebas, supaya meneliti impak perjanjian tersebut kepada rakyat Malaysia secara keseluruhan.

9. Hak akses ubat dan khidmat perubatan untuk rakyat tidak boleh dikompromi.
10. Perjanjian perdagangan bebas tidak harus menindas kaum pekerja. Perlu menghormati hak pekerja di semua negara yang menyertai perjanjian tersebut.
11. Perjanjian perdagangan bebas harus menjamin alam sekitar dipelihara dan bukan sebaliknya. Ia harus mempunyai klausa penguatkuasaan ke atas mana-mana syarikat atau pemodal negara-negara dalam perjanjian itu yang menjejaskan alam sekitar.
12. Referendum rakyat untuk mendapatkan mandat, jika negara perlu menyertai perjanjian perdagangan bebas.
13. Proses rundingan perjanjian perdagangan bebas mestilah telus dan bukan dibuat secara rahsia.
14. Semua perjanjian perdagangan bebas perlu mendapatkan persetujuan Parlimen sebelum ianya diteruskan, bukannya keputusan kabinet sahaja.
15. Hak rakyat memperoleh kemudahan asas seperti bekalan elektrik, air, perkhidmatan kesihatan, rawatan perubatan dan pendidikan perlu dijamin dan tidak terjejas apabila negara membuka pintu perdagangan melalui perjanjian perdagangan bebas ini.

16. Hapuskan klausa Penyelesaian Pertelingkahan Pelabur-Negara atau ISDS (*Investor-State Dispute Settlement*) yang memberikan kuasa kepada para pemodal untuk menyaman sesebuah Kerajaan ke mahkamah antarabangsa.

Sidang meja bulat ini menjadi sangat penting pada masa kini, kerana Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) begitu komited untuk menyertai pelbagai perjanjian perdagangan bebas seperti Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) yang melibatkan 16 buah negara termasuk negara anggota ASEAN.

RCEP ini, walaupun tidak disertai oleh Amerika Syarikat seperti TPPA, tetapi perjanjian perdagangan bebas RCEP juga mempunyai pelbagai peruntukan yang akan menjejaskan kehidupan rakyat.

Lebih teruk lagi ialah, keputusan mengejut oleh menteri-menteri negara APEC baru-baru ini di Hanoi untuk menghidupkan balik Perjanjian perdagangan bebas TPPA yang dikutuk oleh rakyat Malaysia.

Justeru, Piagam Rakyat Menentang Perjanjian Perdagangan Bebas ini adalah amat penting untuk menggariskan kehendak rakyat biasa dan komuniti-komuniti minoriti dalam membantah perjanjian bebas yang dipaksakan ke atas kita dengan tujuan memperkukuhkan kepentingan pihak korporat dunia. ##

Pemandu lori tuntutan caruman KWSP

Maniam a/l Subramaniam telah memfailkan kes terhadap bekas majikannya, Cold Chain Network (CCN), dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk menuntut caruman yang sepatutnya dibayar tetapi gagal dibayar kepadanya sebagai pemandu lori di CCN.

Kes difailkan pada bulan Julai 2016 di Mahkamah Sesyen di Kuala Lumpur. Maniam menuntut sejumlah RM 12,791 sebagai baki caruman yang tidak dibayar oleh CCN, dan deklarasi bahawa “pembayaran balik perjalanan” (*trip reimbursement*) merupakan “upah” yang harus diambilkira dalam kiraan caruman KWSP.

Kes ini ditolak dengan kos RM 3000 di Mahkamah Sesyen, dan rayuan telah difailkan. Pendengaran rayuan kes telah berlangsung pada 28 April lalu di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Keputusan Mahkamah Tinggi akan disampaikan pada bulan Jun ini.

Maniam bekerja di CCN antara bulan Julai 2010 hingga Ogos 2013. Upah seperti tercatat dalam slip gajinya pada amnya terdiri daripada “gaji pokok” (*basic pay*) dan “pembayaran balik perjalanan”.

“Pembayaran balik perjalanan” sebenarnya adalah istilah yang digunakan oleh CCN untuk merujuk kepada jumlah bayaran bagi semua perjalanan yang dilakukan oleh

Maniam dalam satu bulan. Setiap bulan, Maniam diberi satu dokumen yang mencatatkan setiap perjalanannya – tarikh, nombor trak, destinasi, dan bayaran bagi setiap perjalanan. Bayaran bagi setiap perjalanan dijumlahkan dan dicatat sebagai “pembayaran balik perjalanan” dalam slip gaji pemandu lori.

Majikan hanya membayar KWSP untuk gaji pokok, dan tidak masukkan pembayaran balik perjalanan dalam kiraan KWSP.

Maniam telah mengadu beberapa kali kepada KWSP tentang perkara ini dengan memberi penjelasan bahawa pembayaran balik perjalanan: - bukan elaun perjalanan: Pembayaran balik perjalanan adalah bayaran komisen bagi jumlah trip/perjalanan yang dibuat dalam satu bulan, dan ia berbeza dari lokasi ke lokasi. Sebagai contohnya, bayaran untuk trip ke Pulau Pinang ialah RM 60, ke Kota Bharu ialah RM 90, dan ke Johor Baru ialah RM 110. Tidak ada sebarang kos sepanjang trip yang dibayar oleh pemandu lori dan kemudiannya dituntut balik.

Maka, pembayaran balik perjalanan sebenarnya adalah komisen untuk tugas pemandu lori, dan oleh itu perlu dimasukkan dalam kiraan KWSP. - bukan bayaran kerja lebih masa: Bayaran trip untuk hari Ahad atau pada cuti umum tidak berbeza daripada hari biasa. Sebagai contohnya, bayaran untuk trip ke Shah Alam tetapnya RM 60 tidak kira ianya dilakukan pada hari minggu atau pada hari Ahad atau pada cuti umum.

Tetapi selepas menyiasat, KWSP tetap menerima penjelasan CCN bahawa “pembayaran balik perjalanan” merupakan elaun perjalanan, dan bayaran lebih masa. Ini merugikan Maniam sebab caruman yang dibuat adalah hanya separuh daripada apa yang sepatutnya dicarum, seperti ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Caruman KWSP setiap bulan dikira atas jumlah upah seseorang pekerja. Di bawah Akta KWSP, hanya bayaran seperti komisen dan bonus, diambilkira dalam mengira caruman KWSP. Bayaran seperti gaji lebih



masa dan elaun perjalanan dikecualikan dalam kiraan KWSP.

Sebilangan signifikan syarikat pengangkutan memandang skim KWSP sebagai satu beban yang meninggikan kos perniagaan, dan gagal membuat caruman mengikut undang-undang. Mereka memanipulasi takrif upah untuk mengelakkan diri daripada membayar caruman KWSP yang sepatutnya. Akibat taktik kotor ini, para pemandu lori kehilangan beribu-ribu ringgit simpanan KWSP, dan oleh itu mereka tidak dapat menikmati perlindungan yang sepatutnya semasa usia tua mereka. ##

Bulan	Gaji basic	Trip Reimbursement	Jumlah upah	Jumlah caruman yg dibuat	Jumlah sepatutnya
Dis 2011	1400	1885	3285	322	755
Mac 2012	1400	1655	3055	336	733
Jun 2013	1400	1620	3020	366	725

17 tahun berjuang akhirnya menang

Penduduk Ladang Bangi dapat rumah percuma

Selepas perjuangan melawan pengusiran paksa yang berlarutan untuk 17 tahun, 24 keluarga bekas pekerja di Ladang Bangi akhirnya berjaya mempertahankan hak perumahan mereka dengan mendapat rumah gantian daripada pihak pemaju.

Pada 31 Mei lalu, para penduduk Ladang Bangi menandatangani perjanjian jual beli (S&P) dengan pemaju perumahan Trans Loyal Development Sdn Bhd untuk dapatkan rumah di Taman Kajang Impian yang terletak di Bangi, Selangor.

Sejumlah 24 unit rumah pangsa yang terletak di tingkat bawah dan tingkat satu telah diperuntukkan kepada bekas pekerja ladang ini. Setiap unit

rumah berkeluasan 870 kaki persegi. Almari dan penyaman udara juga akan disediakan oleh pemaju.

Menurut Arutchelvan, AJK Pusat PSM yang juga merupakan penasihat kepada Jawatankuasa Bertindak Bekas Pekerja Ladang Bangi, “Perjanjian S&P biasanya mengkehendaki pekerja mengosongkan rumah ladang dalam 60 hari, tetapi pemaju telah bersetuju untuk memanjangkan tempoh pengosongan rumah ke 31 Disember, supaya para pekerja dapat menyambut Hari Deepavali untuk kali terakhir di situ sebelum berpindah keluar.”

“Ladang Bangi dikatakan berusia lebih 117 tahun. Perjuangan menuntut



sebuah rumah mengambil masa 17 tahun. Dalam 17 tahun ini, terdapat 137 hari yang istimewa di mana berlaku peristiwa utama.” Arutchelvan

telah menyenaraikan 30 hari yang paling penting dalam diari perjuangan Ladang Bangi, seperti di bawah:

17 Mei 2000: Syarikat Golden Hope Sdn Bhd, iaitu syarikat besar yang memiliki Ladang Bangi memberi notis 8 minggu untuk menamatkan pekerjaan pekerja dan para penduduk ladang mesti mengosongkan rumah mereka dari tarikh pampasan notis diterima.

12 Julai 2000: Tarikh notis tamat tetapi penduduk tidak keluar dari ladang, kerana mereka masih tidak mendapat rumah ganti.

18 Januari 2002: Pekerja tidak keluar untuk 2 tahun dan akhirnya Kesatuan Sekerja mengambil kes untuk menuntut supaya mereka harus dibayar faedah berhenti kerja. Majikan berkata bahawa faedah berhenti kerja hanya dibayar jika mereka mengosongkan rumah. Keputusan kes buruh KBS/57/2001 berpihak kepada para pekerja. Jabatan Buruh Selangor telah mengarahkan Golden Hope supaya membuat bayaran berjumlah RM371,227.62.

2006: Majikan membuat rayuan, tetapi Mahkamah Tinggi Shah Alam berpihak pada para pekerja - menolak permohonan pihak majikan dan mengatakan bahawa isu perumahan dan isu faedah berhenti kerja tiada kaitan.

29 Ogos 2006: Satu mesyuarat penting diadakan di Pejabat Daerah Kajang. Mesyuarat yang dihadiri oleh Pegawai Daerah, wakil syarikat ladang dan para pekerja, berjanji membina rumah dan sebuah kuil di kawasan Ladang Bangi.

17 Mac 2010: Tanpa memberitahu Exco Kerajaan Negeri, pihak Pemaju Trans Loyal Development Sdn Bhd telah memohon kebenaran merancang (No fail MPKJ PB/KM 1/68-2002, No fail OSC MPKJ OSC/KM/1/33-2010) untuk membangunkan tanah Ladang Bangi.

16 Mac 2011: Para penduduk memacak papan tanda amaran supaya orang luar tidak menceroboh 100 meter di sekitar ladang.

8 Mei 2011: Penduduk Ladang Bangi telah

menaikkan papan tuntutan mereka di sekitar ladang mereka – menuntut rumah, pampasan dan kuil.

2012: Pemaju memulakan kerja-kerja menolak pokok dan penduduk menghentikan kerja-kerja ini 100 meter dari kawasan pokok.

24 Mei 2012: Pemimpin MIC membawa bersama ADUN Semenyih Johan Abdul Aziz, peguam pemaju dan pengarah syarikat pemaju Trans Loyal datang untuk mendesak bekas pekerja supaya menerima duit pampasan RM 18 ribu, tetapi tidak mahu membina rumah. Penduduk tolak tawaran ini dalam keadaan tegang.

Julai 2012: Exco minta Transloyal untuk menghentikan kerja tetapi ia masih diteruskan.

24 Julai 2012: Pemaju ladang Trans Loyal Development Sdn Bhd telah menggunakan gangster untuk meneruskan kerja-kerja penolakan pokok di Ladang Bangi. Penduduk lawan balik.

24 Julai 2012: Surat daripada Ahli Exco Negeri, Xavier Jayakumar, kepada YDP Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) untuk “arahan berhenti kerja”, tetapi MPKj tidak mahu laksanakan. Konflik menjadi semakin runcing.

25 Julai 2012: Satu konfrontasi besar antara pihak pemaju dan penduduk berlaku, mendesak satu persetujuan dibuat oleh MPKj secara bertulis dengan Trans Loyal dan para penduduk. Ramai penduduk dengan beraninya bersemuka menghadapi gangster. Polis juga hadir tetapi seolah-olah berpihak kepada pemaju.

15 Ogos 2012: Lebih kurang 80 gangster/pekerja upahan pemaju telah menceroboh Ladang Bangi dan telah memecahkan rumah kosong. Pintu, papan, tingkap dan bumbung asbestos rumah-rumah tersebut dipecahkan dan dibiarkan begitu sahaja. Satu perlawanan berlaku antara mereka dan penduduk. Ini telah menyebabkan ada orang cedera. Ramai kaum wanita terlibat dalam pergaduhan ini.

27 Oktober 2012: Notis mahkamah daripada pihak Trans Loyal Development Sdn Bhd, termasuk saman pemula (24-1299-10/2012) diletak di ladang dan dipacak atas tanah.

20 Februari 2013: Setelah rundingan dalam satu mesyuarat penyelesaian di Pejabat Trans Loyal. Pemaju setuju memberikan satu rumah pangsapuri secara percuma. Selain itu, subsidi sewa dan tempat rumah ibadah juga dikekalkan.

22 April 2013: Penduduk Ladang Bangi diputuskan kalah secara mengejut dalam kes di Mahkamah Tinggi pada hari sebutan kes (bukan bicara).

29 Mei 2013: Pemaju cuba buat “pemagaran” tetapi dihalang oleh penduduk. Mereka mahu penduduk keluar, manakala penduduk mahu S&P ditandatangani dulu baru keluar.

1 Julai 2013: Penduduk dapat perintah penangguhan pelaksanaan keputusan (stay) di Mahkamah Tinggi.

09 Julai 2013: Pemaju memulakan kerja penolakan pokok dalam kawasan zon penampian tanpa sebarang perintah makamah dan penduduk Ladang Bangi menahan kerja tersebut.

10 Julai 2013: 2 orang pemimpin utama Ladang Bangi, iaitu Ketua JK Ladang dan Ketua JK Kuil, ditahan polis ekoran arahan daripada IPK kerana atas desakan pemaju. Satu perhimpunan besar di luar balai akhirnya membebaskan mereka.

11 Julai 2013: Pemaju sekali lagi memulakan kerja penolakan pokok dalam kawasan zon penampian tanpa sebarang perintah makamah dan penduduk Ladang Bangi menahan kerja tersebut.

17 Julai 2013: Penduduk Ladang Bangi telah menyerahkan Memorandum mengadu tentang salahguna kuasa Polis kepada Ketua Polis Negara, kerana Polis berpihak kepada pemaju .

Ogos 2013: Pekerja mula desak kepada MB dan Exco Negeri Ganapathi Rao untuk mendapatkan kelulusan Lembaga Tanah Ladang (ELB) yang langsung tidak dapat diberikan oleh pihak Pejabat Tanah dan Galian.

22 Ogos 2014: Menerima surat daripada peguam Trans Loyal (Peter Yip & Yong) yang menyatakan perundingan gagal dan akan minta mahkamah untuk tetapkan tarikh pendengaran kes.

26 Mei 2015: Penduduk menang kes di Makamah Rayuan Putrajaya. Pihak pemaju terpaksa pergi untuk perbicaraan penuh kes ini. Pihak penduduk diwakili oleh Ambiga Sreenevasan.

16 Januari 2016: Setelah beberapa rundingan, akhirnya satu penyelesaian dicapai. Perjanjian penyelesaian ditandatangani antara Trans Loyal dengan 24 keluarga bekas pekerja Ladang Bangi. Isi kandungan perjanjian adalah:

- Rumah percuma (pangsapuri kos rendah), yang berada di tingkat bawah dan tingkat satu.
- Perlu pindah 2 bulan selepas S&P ditandatangani.
- Sewa RM 625 setiap bulan.
- Tapak tanah untuk kuil dan subsidi membina kuil.

28 Disember 2016: Proses cabutan undi untuk mendapatkan lot unit bagi setiap rumah telah diadakan di Dewan Ladang Bangi, di mana proses ini dikendalikan PSM.

31 Mei 2017: Upacara menandatangani perjanjian jual beli (S&P) yang diadakan di Pejabat Trans Loyal Development di Taman Kajang Impian. Saiz rumah 870 kaki persegi.

Atas kegigihan dan kesungguhan penduduk Ladang Bangi yang amat menakjubkan dalam perjuangan mempertahankan hak perumahan mereka, akhirnya mereka berjaya juga.

Para penduduk Ladang Bangi akan mengadakan satu majlis sambutan kemenangan pada 27 Ogos akan datang. ##

Petani Perak akan tanding dalam PRU

Pada 21 Mei lalu, Gabungan Selamatkan Petani dan Penternak Perak telah mengumumkan bahawa akan meletakkan 2 orang calon dalam Pilihanraya ke-14 (PRU-14) yang akan datang.

Dua orang calon yang dicadangkan dan kawasan yang akan ditanding mereka adalah:

1. **Chin Kwai Leong** di Kawasan **DUN Menglembu**
2. **Chin Kwai Heng** di Kawasan **DUN Tronoh**

Kedua-dua orang petani yang akan bertanding sebagai calon Parti Sosialis Malaysia (PSM). Ini adalah julung kali PSM meletakkan calon petani dalam PRU.

Gabungan Selamatkan Petani dan

Penternak Perak memutuskan untuk meletakkan calon dalam PRU-14 kerana ingin mengambil peluang pilihanraya untuk menonjolkan isu petani dan jaminan bekalan makanan yang amat mustahak untuk rakyat Malaysia.

Ramai petani di negeri Perak menghadapi ancaman pengusiran paksa daripada pelbagai pihak termasuk kerajaan negeri, syarikat berkaitan kerajaan dan pemaju swasta. Perampasan tanah dan pengusiran paksa terhadap petani bukan sahaja menjejaskan rezeki golongan petani, tetapi juga mengancam jaminan bekalan makanan di negara kita kerana akan lebih bergantung kepada import makanan dan cenderung kepada berlakunya krisis makanan akibat kehancuran pembekalan makanan



setempat.

Gabungan Selamatkan Petani dan Penternak berharap dapat membawa

suara rakyat petani dan rakyat marhaen ke dalam Dewan Undangan Negeri Perak sekiranya dapat menang dalam pilihanraya.

Apa kena mengenai petani bertanding dalam PRU dengan saya?

1. Kenapa petani Perak meletakkan calon untuk bertanding dalam PRU akan datang ini?

Petani dan peternak di negeri Perak sering menghadapi ancaman pengusiran paksa. Pengusiran paksa sering dilakukan oleh agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan, pemaju swasta dan tuan tanah yang mempunyai hubungan rapat dengan mereka yang berkuasa. Tanah petani sentiasa dirampas dan petani diusir secara paksa atas nama "pembangunan", sedangkan golongan kaya dan kroni-kroni yang mengaut keuntungan dengan kehancuran punca pendapatan golongan petani.

Gabungan Selamatkan Petani dan Penternak Perak ditubuhkan pada bulan September 2014, dengan tujuan menggabungkan kekuatan petani dalam mempertahankan hak dan rezeki petani yang mengusahakan tanah di Perak.

Oleh sebab parti-parti aliran utama, sama ada parti pemerintah ataupun parti pembangkang yang mempunyai wakil rakyat dalam Dewan Undangan Negeri, langsung tidak mengambil berat tentang permasalahan yang dihadapi petani, maka petani berputus untuk menentukan nasib mereka dengan menghantar wakil petani sendiri untuk bertanding dalam PRU. Para petani berharap dapat membawa terus suara petani ke dalam Dewan Undangan Negeri!

2. Kenapa petani bertanding menggunakan nama PSM?

Parti pemerintah tidak pernah mengambil berat tentang hak dan kesejahteraan golongan petani, malah sentiasa mengusir petani atas nama "pembangunan", meminggirkan golongan petani. Apabila petani yang menghadapi pengusiran cuba

meminta bantuan daripada parti pembangkang dalam DUN Perak, jawapan yang diperoleh mereka adalah wakil rakyat pembangkang itu belum lagi menjadi kerajaan, maka tidak boleh buat apa-apa untuk membantu petani. Layanan sebegini daripada kedua-dua pihak parti pemerintah dan pembangkang menyebabkan para petani di Perak hilang keyakinan terhadap politik parti politik aliran utama.

PSM walaupun tidak mempunyai apa-apa kerusi dalam DUN Perak, tetapi telah bersama-sama berganding bahu dalam perjuangan petani selama ini. PSM tidak pernah menggunakan alasan bahawa ia belum lagi membentuk kerajaan ataupun tiadanya wakil rakyat dalam DUN untuk mengelakkan diri daripada perjuangan menuntut hak petani.

Dr. Jeyakumar Devaraj, Ahli Parlimen PSM untuk kawasan Sungai Siput, pernah cuba membentangkan rang undang-undang (RUU) persendirian dalam Dewan Rakyat untuk meminda Kanun Tanah Negara supaya memasukkan seksyen yang melindungi hak petani, tetapi usaha tersebut disekat oleh Speaker Dewan. Walaupun PSM hanya mempunyai seorang Ahli Parlimen di Dewan Rakyat, tetapi PSM tidak pernah berputus asa dalam memperjuangkan hak petani di dalam dan di luar Parlimen.

3. Saya bukan petani. Apa kaitan isu-isu petani dengan saya?

Gabungan Selamatkan Petani dan Penternak Perak bercadang membawa suara dan tuntutan petani ke dalam DUN, bukan sahaja untuk mempertahankan hak mengusahakan tanah pertanian dan punca rezeki golongan petani, tetapi juga untuk melindungi jaminan bekalan makanan bagi rakyat Malaysia.

Makanan adalah keperluan asas semua orang. Pembekalan makanan yang mencukupi adalah syarat yang paling asas untuk kemakmuran



negara. Namun, dalam 20 tahun yang lepas, kerajaan negara kita semakin hari semakin meminggirkan sektor pertanian, khususnya pertanian yang menghasilkan makanan untuk rakyat. Ini telah menyebabkan import makanan negara kita semakin bertambah. Pada tahun 2015, negara kita mengimport makanan yang bernilai lebih RM 45 bilion, bersamaan dengan RM 124 juta dibelanjakan setiap hari hanya untuk mengimport makanan dari luar negara. Keadaan ini akan diburukkan lagi dengan lebih ramai petani terpaksa berhenti daripada kegiatan pertanian akibat pengusiran paksa.

Kebergantungan kepada import makanan akan menjejaskan keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat. Sekiranya berlaku krisis makanan antarabangsa yang mengakibatkan harga makanan import melambung tinggi, rakyat biasa akan menjadi mangsa, terpaksa menahan lapar bukannya tiada makanan, tetapi tidak mampu membeli makanan import yang mahal. Situasi ini dapat diperbetulkan dengan memberi perlindungan hak tanah kepada petani, membolehkan golongan petani mengusahakan tanah untuk menghasilkan makanan tanpa perlu bimbang terhadap pengusiran.

Negara Malaysia mempunyai sumber tanah yang meluas, tambahan pula iklim tropika dan air hujan yang mencukupi, memang menyediakan syarat yang amat baik untuk pertanian yang menghasilkan makanan. Namun, kerajaan negara kita tidak mementingkan pertanian yang menghasilkan makanan untuk rakyat, malah sanggup menghalau petani keluar dari tanah yang diusahakan mereka atas nama "pembangunan" yang hanya membawa keuntungan kepada

segelintir kecil golongan korporat dan kroni. Petani yang diusir secara paksa, bukan sahaja tidak memperolehi pampasan yang adil, malah juga akan kehilangan punca rezeki utama mereka, iaitu tanah yang digunakan untuk aktiviti pertanian.

Petani kehilangan punca pendapatan, bukan sahaja mengurangkan lagi sumber bekalan makanan tempatan dan menyebabkan tahap sara diri makanan negara kita semakin merosot, malah juga akan mendatangkan kesan negatif kepada ekonomi tempatan.

Jika petani dapat dijamin hak tanah untuk bercucuk tanam, mereka akan lebih berkeyakinan untuk melabur lebih wang dalam meningkatkan pengeluaran makanan. Apabila rezeki petani terjamin dan pendapatan mereka meningkat, akan dapat membantu merangsang ekonomi tempatan. Berbeza dengan pelabur asing yang akan menyalurkan keuntungan lumayan dikaut mereka di sini ke luar negara, petani-petani akan membelanjakan wang pendapatan mereka semula ke dalam ekonomi tempatan. Petani akan dapat mengupah pekerja dengan bayaran yang lebih tinggi; perniagaan kedai-kedai dan penjaja akan bertambah baik kerana ada lebih sumber pendapatan rakyat tempatan untuk dibelanjakan.

Oleh itu, jaminan punca rezeki petani, juga merupakan jaminan bekalan makanan tempatan dan jaminan kemakmuran sosio-ekonomi tempatan.

Selain itu, jika pendapatan dan kehidupan petani dapat ditingkatkan dengan hak tanah bercucuk tanam dijamin, maka akan menggalakkan anak muda yang terpaksa merantau jauh untuk mencari rezeki pulang ke kampung halamannya untuk menceburkan diri dalam sektor pertanian ataupun pekerjaan yang berkaitan. Ini akan membantu memajukan dan membangunkan masyarakat luar bandar atau pekan-pekan kecil.

(sambung di m/s 7)

Kembali kepada isu asas

PSM tawarkan perspektif baru

Menurut Sivarajan, Setiausaha Agung PSM, yang bercakap dalam wawancara oleh *Malay Mail Online* baru-baru ini, para pengundi perlu mendesak calon-calon pilihanraya supaya menjelaskan pendirian dan dasar-dasar yang akan dibawa mereka dalam menangani isu-isu asas rakyat seperti kesihatan, alam sekitar dan hak tanah.

Pilihanraya umum (PRU) akan berlangsung bila-bila masa sahaja dalam tempoh satu tahun yang akan datang. Kita sudahpun dapat merasai bahang PRU apabila parti-parti politik sama ada pihak pemerintah ataupun pihak pembangkang sudah memulakan kerja-kerja publisiti dan propaganda politik. Rakyat boleh menggunakan pilihanraya sebagai satu saluran untuk memilih siapa yang akan mewakili mereka dalam Parlimen dan menentukan masa depan negara kita.

Boleh dijangkakan calon-calon daripada parti-parti pembangkang aliran utama akan menggunakan kontroversi dan skandal 1MDB dalam kempen mereka untuk meraih undi. Skandal 1MDB yang melibatkan berbilion ringgit memang satu isu yang penting dan perlu dibongkarkan untuk pengetahuan umum, tetapi hanya fokus pada isu 1MDB sahaja tidak mencukupi untuk menakutkan para pengundi bahawa parti-parti pembangkang sekarang ini adalah kuasa politik yang boleh dipercayai untuk menggantikan pemerintahan UMNO-BN yang bermaharajalela sejak enam dekad yang lalu.

Jika adanya orang menganggap bahawa calon pilihanraya dapat menyampaikan ceramah dengan ucapan-ucapan yang bersemangat dan mengupas isu 1MDB dengan baik sudah cukup untuk memenangi undi, maka ini telah memandang rendah permintaan pengundi untuk dasar mentadbirurus negara kita yang lebih menyeluruh.

Kenapa kita patut undi seseorang yang hanya pandai cakap tentang isu 1MDB? Apakah pendiriannya dalam isu penswastaaan hospital? Bagaimana pula pandangannya tentang pembinaan lebuhraya yang memusnahkan hutan? Ini adalah persoalan yang patut dilontarkan oleh para pengundi kepada calon-calon pilihanraya yang cuba mendekati mereka untuk meraih undi.

Perspektif baru dan kembali kepada asas masalah rakyat

PSM akan bertanding dalam pilihanraya yang akan datang, bukan hanya tertumpu kepada berapa kerusi yang hendak dimenangnya, tetapi ingin membawa perspektif baru dalam politik negara kita, supaya rakyat dapat membina visi baru untuk sebuah masyarakat yang lebih adil dan demokratik. Perubahan pada pucuk kepimpinan negara, ataupun peralihan kuasa daripada satu gabungan parti politik ke satu lagi yang lain tidak cukup dalam membawa perubahan secara total kepada masyarakat kita hari ini yang sedang diselubungi dengan masalah ketidakadilan sosial yang semakin serius, pekerjaan yang tidak terjamin, beban hidup yang semakin meningkat, ancaman kemusnahan alam sekitar dan hak rakyat yang semakin dihakis oleh golongan korporat yang hanya mementingkan keuntungan.

PSM ingin membawa perspektif baru untuk masyarakat Malaysia dalam menganalisis masalah yang kita hadapi pada hari ini. Kita perlu memecahkan kekangan pemikiran rakyat yang sentiasa terperangkap dalam sentimen perkauman dan agama yang dipermainkan oleh golongan elit politik. Ini hanya dapat dilakukan dengan menonjolkan persoalan asas dalam masyarakat



kita pada hari ini, iaitu ketidakadilan yang wujud akibat daripada penumpuan kekayaan masyarakat dalam tangan golongan mahakaya dan pemusatan kuasa dalam tangan elit politik yang menghakis institusi demokrasi di negara kita. Kita hanya dapat mencabar sistem yang sedia ada melalui pembinaan kuasa rakyat dari bawah. Untuk membina kuasa rakyat dari bawah, kita perlu mewujudkan kesedaran rakyat melalui organisasi dan pendidikan politik yang berterusan. PRU boleh dijadikan satu arena untuk kita menjalankan pendidikan politik tetapi tidak terhad sekadar itu. Demokrasi bukan hanya mengundi sahaja, tetapi adalah usaha berterusan rakyat dalam menyuarakan pandangan, mengetengahkan tuntutan, mengorganisasikan massa untuk memperjuangkan visi rakyat dari bawah dan mengambilalih kuasa membuat keputusan daripada tangan golongan elit pemerintah.

Oleh yang demikian, PSM bertanding dalam pilihanraya bertujuan untuk memperkenalkan alternatif baru untuk rakyat merangka visi baru bagi masyarakat kita dan memacu perjuangan rakyat dalam isu-isu asas masyarakat. PSM bukan sahaja akan

meletakkan calon-calon yang berprinsip dan berkomitmen untuk berjuang bersama rakyat, tetapi juga akan menawarkan idea-idea baru untuk perubahan masyarakat.

Isu-isu penting seperti pekerjaan, gaji, perumahan, pendidikan, kesihatan awam, cukai GST dan sebagainya perlu dibincang secara umum dalam pilihanraya. Serangan peribadi sesama politikus tidak akan memberi gambaran jelas tentang dasar-dasar yang akan dibawa oleh parti-parti politik masing-masing. Yang perlu dibincang dan didebatkan adalah dasar-dasar yang berkaitan dengan bagaimana ekonomi dapat mensejahterakan rakyat, bagaimana sistem politik dapat meningkatkan penglibatan rakyat dalam proses membuat keputusan dan bagaimana wajah masyarakat kita pada masa akan datang.

Cukup dengan retorik kosong dan politik remeh-temeh yang fokus pada peribadi individu. Kita perlukan politik yang membincangkan masa depan masyarakat kita, menangani isu-isu harian rakyat dan menentukan dasar-dasar untuk menjamin kesejahteraan rakyat. ##

(sambung dari m/s 6)

4. Saya penyokong Pakatan Harapan, kenapa saya patut undi PSM?

Sejak PSM ditubuhkan, dalam tempoh hampir 20 tahun yang lepas, walaupun PSM masih merupakan sebuah parti yang kecil, tetapi PSM sentiasa berpendirian teguh dan berkomitmen tinggi dalam memperjuangkan kepentingan rakyat marhaen.

Dalam usaha perjuangan memajukan demokrasi dan keadilan sosial di negara kita, PSM sudi bekerjasama dengan mana-mana parti atau

kumpulan masyarakat yang ingin menamatkan kekuasaan UMNO-BN yang telah membiak pelbagai masalah rakyat pada hari ini. Walaupun PSM tidak pernah menyertai Pakatan Rakyat sebelum ini (dan sekarang dikenali sebagai Pakatan Harapan), tetapi PSM merupakan kuasa politik yang paling boleh dipercayai dalam usaha menentang kezaliman BN dan mewujudkan perubahan politik.

PSM mengambil bahagian dalam pilihanraya, tanpa mengira menang atau kalah, tetap akan berkhidmat untuk rakyat. Dr. Jeyakumar Devaraj, Ahli Parlimen PSM untuk Sungai Siput, bertanding pada tahun 1999 di kubu kuat BN pada masa itu, iaitu Sungai Siput, walaupun kalah, tetapi tetap kekal membuka pusat khidmat di situ. Sehingga kali ketiga bertanding di Sungai Siput, Dr.

Jeyakumar akhirnya menewaskan seorang gergasi politik.

Di DUN Jelapang, Sarasvathy, Timbalan Pengerusi PSM, bertanding 2 kali di situ tetapi kalah, malah hilang juga deposit, tetapi masih kekal di situ dan terus berkhidmat untuk rakyat tempatan, mengorganisasi rakyat tempatan untuk memperjuangkan hak mereka. Ini amat berbeza dengan ADUN yang menang di kawasan Jelapang dalam 2 PRU yang lepas, di mana salah seorangnya mengkhianati mandat pengundi dan lompat parti, sementara seorang lagi tidak menunjukkan apa-apa prestasi dalam berkhidmat untuk rakyat.

PSM menawarkan calon yang boleh dipercayai dalam memperjuangkan hak rakyat

dan perubahan sosial yang menjamin kesejahteraan rakyat.

Saranan PSM kepada pengundi yang inginkan perubahan politik:

- Undi calon PSM di kawasan di mana PSM bertanding.
- Di kawasan di mana PSM tidak meletakkan calon untuk bertanding, undi calon anti-BN yang paling boleh dipercayai. ##



Mimpi indah atau mimpi ngeri?

Sudahkah kita bersedia untuk dunia tanpa kerja?

“Kira-kira 65% pekerjaan sedia ada di negara ini diramal tidak wujud lagi pada tahun 2027.” Ini merupakan kenyataan yang dibuat oleh Abdul Rahman Dahlan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, baru-baru ini. Menurutinya, Revolusi Industri Keempat atau Era Digital bakal menyaksikan kemajuan dan penggunaan teknologi secara radikal, maka pengupayaan bakat dan potensi rakyat Malaysia khususnya tenaga kerja mahir perlu digiatkan.

Kenyataan Menteri di atas ini ada kebenarannya, tetapi kerajaan kita sekarang ini gagal memahami punca masalah ekonomi yang sedang dan bakal kita hadapi. Ini juga menyebabkan kerajaan kita tidak mempunyai visi dan strategi menyeluruh dalam menghadapi cabaran masyarakat masa depan.

Fiksyen sains atau cerita seram?

Revolusi Industri Keempat merujuk pada perkembangan pesat teknologi baru dalam bidang seperti robotik, kecerdasan buatan (*artificial intelligence*, ataupun AI), percetakan 3D, kenderaan bergerak secara automatik, penggunaan peranti pintar atau internet benda-benda (*internet of things*, IoT), nanoteknologi dan sebagainya. Perkembangan teknologi yang canggih ini membolehkan masyarakat manusia mencapai satu tahap di mana tenaga manusia tidak diperlukan lagi untuk melakukan kerja-kerja pengeluaran barangan dan perkhidmatan seperti yang wujud pada hari ini.

Dari segi perkembangan tahap teknologi,

i. Revolusi Industri Pertama yang berlangsung pada abad ke-18 dan ke-19 di Eropah, menyaksikan penggunaan enjin stim secara meluas.

ii. Revolusi Industri Kedua yang berlaku pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20, menyaksi penggunaan tenaga elektrik untuk pengeluaran secara besar-besaran.

iii. Revolusi Industri Ketiga ataupun Revolusi Digital, merujuk pada perkembangan teknologi digital dalam bidang ekonomi, seperti komputer, internet, dan teknologi maklumat.

Perkembangan teknologi sampai ke tahap mesin, robot dan kecerdasan buatan semakin menggantikan kerja-kerja manusia, sepatutnya satu berita baik untuk masyarakat manusia, kerana masyarakat sudah maju sampai ke satu peringkat yang begitu produktif dan kaya secara kebendaan. Bayangkanlah, semua manusia di dunia ini tidak perlu lagi kerja, kerana kerja-kerja itu, sama ada di rumah ataupun kilang, sudah pun boleh dibuat sepenuhnya melalui automasi, penggunaan robot dan teknologi canggih, maka setiap insan sepatutnya sudah boleh buat apa yang dia suka, bukan lagi buat apa yang dipaksa. Utopia dah jadi realiti!

Tetapi hakikatnya, di bawah sistem kapitalis di mana golongan korporat sentiasa mengejar keuntungan, dengan realiti ekonomi hari ini yang berfungsi untuk keuntungan korporat tetapi bukannya untuk kepentingan rakyat, perkembangan teknologi yang pesat tidak semestinya sesuatu yang menggembirakan rakyat marhaen, termasuklah golongan pekerja yang berpendapatan rendah. Malah, mungkin ramai akan bimbang, apa akan terjadi pada nasib mereka apabila robot-robot, mesin-mesin percetakan 3D dan kecerdasan buatan menggantikan mereka di tempat kerja. Mimpi indah boleh bertukar jadi mimpi ngeri. Fiksyen sains boleh jadi cerita seram!

Jika pekerja yang bekerja di bawah sistem pasaran kerja sekarang ini, hilang pekerjaan kerana teknologi sudah boleh menggantikan tempatnya, bermakna dia akan hilang punca pendapatan. Apabila hilang punca pendapatan, bagaimana dia ada wang untuk membeli barangan keperluan? Jangan lupa juga barangkali kemungkinan besar dia perlu bayar ansuran pinjaman bank untuk rumahnya, keretanya dan sebagainya. Bagaimana menanggung

kos jika dia ada anak yang belajar, sama ada di kolej dan universiti yang mengutip yuran setiap semester?

Ini adalah sesuatu yang aneh. Masyarakat semakin maju dari segi teknologi dan pengeluaran kebendaan, tetapi rakyat biasa yang berpendapatan rendah dan sederhana pula menjadi semakin risau tentang masa depan kehidupan mereka. Pelik tapi benar. Inilah manifestasi percanggahan asas dalam sistem kapitalis, iaitu suatu sistem ekonomi yang berasaskan keuntungan pemodal dan digerakkan oleh kecenderungan mengumpul modal sebanyak mungkin.

Produktiviti dan masa kerja

Apabila kerja-kerja yang dilakukan tenaga kerja manusia pada takat ini, semakin digantikan oleh mesin-mesin, robot-robot dan ciptaan teknologi baru, sebenarnya bermakna, seseorang pekerja dalam proses pengeluaran itu semakin produktif. Semakin produktif bermaksud bahawa pekerja berkenaan tidak perlu lagi membuat kerja-kerja yang lebih banyak lagi untuk menghasilkan sesuatu barangan, ataupun dalam erti kata lain, seorang pekerja dapat menghasilkan jumlah barangan yang lebih banyak dalam sesuatu tempoh masa. Jadi, dalam keadaan begini, sepatutnya masa kerja sehari untuk seorang pekerja boleh dikurangkan. Misalnya, pekerja hanya perlu kerja 6 atau 4 jam sehari, berbanding 8 jam sehari pada takat ini, kerana jumlah pengeluarannya dalam 6 atau 4 jam sudah setanding dengan kerja 8 jam yang asal. Maka, pekerja patut diberi masa kerja sehari yang lebih pendek, ataupun kurangkan hari kerja seminggu (misalnya dari 6 hari dikurangkan kepada 4 atau 3 hari seminggu) dengan syarat gaji bulanannya tidak dikurangkan.

Konsep untuk sistem kerja 8 jam sehari yang diamalkan di hampir seluruh dunia pada hari ini, juga

datang daripada tanggapan seperti di atas. Pada abad ke-19, apabila berlakunya Revolusi Industri di Eropah, mesin-mesin di kilang menggantikan tenaga kerja tukang kecil, tetapi pekerja yang kerja di lombong, kilang dan sebagainya, terpaksa bekerja untuk tempoh masa yang panjang dalam sehari (misalnya 16 jam sehari). Namun, atas usaha gigih perjuangan gerakan pekerja yang hebat, sistem kerja 8 jam sehari tanpa mengurangkan gaji pekerja, telah diperkenalkan secara meluas di seluruh dunia. Apabila masa kerja sehari

dikurangkan daripada 16 jam ke 8 jam dengan jumlah bayaran gaji harian yang sama, peluang pekerjaan bertambah. Lebih ramai lagi orang yang tiada kerja dapat kerja.

Masalah dengan sistem kapitalis adalah, untuk memaksimumkan keuntungan, majikan sengaja menekan gaji pekerja pada paras yang rendah. Pengangguran menjadi serius apabila pekerja terpaksa bekerja untuk masa yang panjang dalam sehari, kerana peluang pekerjaan untuk seorang pekerja telah diisikan dengan kerja lebih masa seorang pekerja lagi. Kewujudan pengangguran yang berleluasa, bermakna pekerja kehilangan kuasa tawar-menawar dengan majikan, dan majikan boleh terus membayar gaji yang rendah kepada pekerja. Pekerja yang menganggur dalam jumlah besar, menjadi “tentera simpanan industri” yang boleh diperah sewenang-wenangnya untuk memaksimumkan keuntungan syarikat korporat.

Amat ironi sekali, selepas lebih satu abad pekerja berjaya memperjuangkan jaminan hak kerja 8 jam sehari, masih ada lagi pekerja yang terpaksa bekerja untuk 10 dan 12 jam sehari (walaupun kerja melebihi 8 jam dibayar upah OT) kerana gaji pokok mereka yang rendah, bukan kerana pekerja suka sangat kerja OT.

Kontradiksi dalam sistem kapitalis

Dalam sistem kapitalis perindustrian di mana pengeluaran barangan secara besar-besaran di kilang-kilang, pekerja yang dibayar gaji rendah bermakna mereka kurangnya kuasa beli. Apabila pekerja bergaji rendah dan mereka yang tiada kerja tidak mampu membelanja, maka wujudnya krisis dalam ekonomi kapitalis, kerana barangan yang dihasilkan tidak dapat dijual. Golongan kapitalis lebih rela memusnahkan barangan yang berlebihan daripada memberikan secara percuma kepada pekerja-pekerja dan rakyat miskin. Tetapi, sistem kapitalis mempunyai “kreativiti”nya tersendiri, di mana keuntungan yang tidak boleh lagi dilaburkan semula dalam bidang pengeluaran barangan yang berguna (kerana barangan yang dihasilkan tidak dapat dijual untuk mendapatkan keuntungan) akan dilaburkan semula dalam sektor kewangan (bank, saham, bon, insurans dan sebagainya) yang tidak menghasilkan apa-apa benda yang berguna. Perkembangan sistem kewangan mewujudkan gelembung ekonomi, satu fenomena seolah-olah ekonomi masyarakat semakin bertambah makmur, tetapi mendatangkan krisis kewangan dari semasa ke semasa. Setiap kali berlakunya krisis kewangan, rakyat biasa pula yang menanggung segala kesengsaraan.

(sambung di m/s 9)



(sambung dari m/s 8)

Balik kepada isu Revolusi Industri Keempat, ataupun automasi kerja menggantikan pekerja sepenuhnya. Memang pengupayaan bakat dan potensi rakyat supaya menjadi tenaga kerja mahir dan kreatif, sesuatu yang penting untuk diambilkira dalam perangkaan dasar-dasar sosio-ekonomi, tetapi masalah “masyarakat semakin kaya, rakyat biasa pula masih hidup susah payah” akan terus menghantui kita selagi percanggahan asas sistem kapitalis tidak ditangani dan diatasi sepenuhnya.

Kita boleh melahirkan tenaga kerja yang mahir dan kreatif untuk mengendalikan kerja-kerja yang masih belum lagi dapat dilakukan sepenuhnya oleh ciptaan teknologi baru sekarang ini, tetapi bagaimana menyelesaikan masalah pekerja yang tidak dapat kerja oleh sebab pekerjaan “hilang” selepas penggunaan teknologi baru dan automasi? Jika semakin ramai orang hilang kerja dan tiada lagi pendapatan yang berkekalan, kuasa beli masyarakat akan semakin merosot, sehingga barangan yang dihasilkan daripada produktiviti yang semakin meningkat itu tidak dapat dijual. Kapitalis boleh gulung tikar lah jikalau barangan yang dihasilkan tidak dapat dijual. Ataupun mereka nak jual kepada robot-robot?

Konsep baru untuk menangani cabaran baru

Di negara-negara maju yang sedang menghadapi cabaran pengangguran akibat pemindahan industri ke Dunia Ketiga dan automasi dalam pengeluaran tempatan pada takat ini, sedang berlakunya perbincangan hangat tentang pelaksanaan bentuk perlindungan sosial baru yang dikenali sebagai “pendapatan asas universal” (*universal basic income*) atau “pendapatan asas tanpa syarat” (*unconditional basic income*). Di bawah sistem “pendapatan asas universal”, kerajaan akan membayar kepada setiap orang rakyat setiap bulan sejumlah wang yang cukup untuk sara hidup asas, tanpa mengambilkira sama ada orang itu bekerja atau tidak. Idea ini bukannya sesuatu yang kiri atau “revolusioner” sangat, malah adanya golongan ahli ekonomi berhaluan kanan dan pendukung pasaran bebas menyokongnya. “Pendapatan asas universal” dianggap sebagai satu langkah untuk membolehkan setiap orang masih dapat menikmati hasil pengeluaran masyarakat (khususnya barangan keperluan asas) selepas tenaga kerja manusia digantikan sepenuhnya oleh mesin-mesin automatik.

Dalam konteks Malaysia, “pendapatan asas universal” bagaimana BR1M yang dibayar pada kadar gaji minimum setiap bulan kepada setiap orang di Malaysia.

Namun, sekiranya sistem kapitalis masih wujud, iaitu sistem ekonomi yang berfungsi bermotifkan keuntungan pemodal bukannya kebaikan bersama masyarakat, walau adanya sistem perlindungan sosial seperti “pendapatan asas universal” pun, percanggahan asas yang membawa kepada ketidaksamaan ekonomi dan ketidakadilan sosial masih akan wujud. Ketidaksamaan

ekonomi dan ketidakadilan sosial merupakan tapak membiak masalah-masalah seperti perkauman, jenayah, keganasan sehinggalah peperangan yang menghancurkan masyarakat manusia. Malah, pengejaran untuk keuntungan akan terus mendorong kapitalis industri mengeluarkan barangan secara berlebihan dan menggalakkan lagi konsumerisme, mengakibatkan pembaziran sumber alam dan kemusnahan alam sekitar.

Eksplotasi imperialisme masih wujud, hanya berubah wajah

Jangan kita lupa satu perkara lagi, ketidakseimbangan pembangunan sosio-ekonomi antara negara-negara di dunia pada hari ini masih amat ketara. Kewujudan bentuk imperialisme baru yang diterajui oleh kuasa-kuasa besar dunia (seperti Amerika Syarikat, dan sekarang ini China dan Rusia juga masuk ke gelanggang persaingan kuasa) dan syarikat korporat gergasi multinasional, mengekalkan ketidakadilan sosial pada skala dunia. Kewujudan buruh murah di negara-negara Dunia Ketiga, khususnya di benua Asia dan Afrika, memudahkan pemerasan oleh golongan korporat besar terhadap tenaga kerja manusia. Syarikat gergasi multinasional yang bertapak di negara maju, berkemungkinan sedang menuju secara cepat ke arah automasi, tetapi mereka juga lebih suka dan rela menyumberluarkan (*outsource*) pengeluaran mereka kepada syarikat tempatan di Dunia Ketiga yang mengupah buruh murah, kerana kos yang perlu ditanggung jauh lebih rendah daripada penggunaan teknologi automasi (bermakna keuntungan dapat dimaksimumkan untuk satu jangka masa yang pendek). Perjanjian perdagangan bebas yang didalangi kepentingan korporat multinasional memburukkan lagi keadaan.

Negara-negara kurang maju penuh dengan sejumlah besar rakyat marhaen yang menganggur atau diupah dengan gaji rendah, akan terus “dijajah” oleh kepentingan kapitalis global dengan kemunduran masyarakatnya supaya dapat mengekalkan paras keuntungan korporat besar di negara-negara maju.

Negara Malaysia pula tersangkut di tengah-tengah, kerana negara kita bukannya lagi ekonomi yang mundur sangat, tetapi nak kira maju pun tidak cukup syaratnya. Pekerja-pekerja migran yang membanjiri negara kita, bukannya kerana mereka suka bekerja di Malaysia atau berasa seronok mengambilalih pekerjaan rakyat Malaysia, tetapi disebabkan mereka adalah “tentera simpanan industri” untuk pelabur-pelabur dan syarikat penyumberluaran di Malaysia, di mana mereka senang diperah titik peluh mereka untuk keuntungan besar. Rakyat Malaysia yang kehilangan kerja atau tidak dapat cari kerja pula, terpaksa jadi pekerja migran di Singapura dan negara-negara yang dikatakan lebih maju daripada Malaysia, ataupun terus diracuni fahaman perkauman



dan xenofobia (iaitu perasaan takut dan benci pada warga asing).

Oleh itu, perkembangan pesat teknologi tidak akan mendatangkan kebaikan yang bermakna untuk rakyat biasa sekiranya sosio-ekonomi masih disusun mengikut acuan kapitalisme.

Penyelesaian untuk permasalahan

Apakah solusi jangka masa panjang untuk cabaran perkembangan pesat teknologi? Jawapannya semestinya Sosialisme. Kenapa Sosialisme? Ini kerana di bawah susunan sosio-ekonomi sosialis, kekayaan masyarakat yang dihasilkan melalui proses pengeluaran yang diautomasikan sepenuhnya akan dapat diagihkan secara adil kepada semua. Demokrasi, iaitu penyertaan rakyat secara aktif dalam membuat keputusan, bukan lagi terhad dalam bidang politik (iaitu urustadbir kerajaan), tetapi dipraktikkan secara sepenuhnya dalam bidang ekonomi (iaitu menentukan apa yang patut dikeluarkan untuk kegunaan semua orang dan bagaimana mengagihkannya secara adil dan berkesan). Ini akan dapat mengoptimumkan penggunaan sumber alam dan menghapuskan pembaziran atau pengeluaran barangan yang tidak diperlukan. Ini memerlukan kesedaran rakyat dan perjuangan berterusan malah berkemungkinan agak berpanjangan, namun kita perlu adanya visi tentang masa depan sedemikian dari sekarang juga sebelum terlambat.

Untuk jangka masa terdekat, langkah-langkah yang boleh diambil oleh mana-mana kerajaan yang benar-benar meletakkan kepentingan rakyat biasa sebagai keutamaan, adalah mewujudkan dasar-dasar berikut:

- Kurangkan masa kerja wajib (misalnya, dari 8 jam sehari ke 4 jam sehari) tanpa kurangkan gaji. (Jikalau boleh, haramkan kerja lebih masa!)
- Wujudkan gaji minimum layak hidup (iaitu paras gaji yang dapat menampung perbelanjaan kehidupan asas dengan secukupnya).
- Rombak semula sistem percukaian dengan mencukai lebih tinggi ke atas golongan mahakaya dan korporat besar, supaya kerajaan dapat membelanja lebih dalam menaikkan taraf hidup rakyat. Bagi menangani kecenderungan pengelakan cukai, perlu wujudkan kerjasama serantau dan antarabangsa yang membendung tempat berlindung cukai.

- Membelanja lebih banyak dana kerajaan dalam mewujudkan sistem pendidikan percuma sehingga tahap tertiar, kesihatan percuma, pengangkutan awam yang efisien dan perumahan sosial. Bakat dan potensi rakyat hanya dapat diperkembangkan dengan adanya jaminan hidup masyarakat yang selesa dengan perkhidmatan awam berkualiti dan persekitaran yang bebas daripada kebimbangan tekanan hidup.
- Mewujudkan dan memantapkan perlindungan sosial seperti pencen hari tua untuk semua (supaya warga mas dapat membelanja untuk memenuhi keperluan hidup harian selepas bersara), bantuan dana pengangguran, perkhidmatan penjagaan kanak-kanak dan sebagainya.
- Menggalakkan dan menyokong perusahaan pengeluaran yang berbentuk koperasi pekerja atau perusahaan milik sosial (iaitu perusahaan yang bukan berasaskan keuntungan korporat).

Perjuangan rakyat marhaen perlu diteruskan

Bayangkanlah apabila automasi menggantikan tenaga kerja manusia dengan sepenuhnya, iaitu sebuah dunia di mana manusia tidak perlu lagi bekerja untuk hidup, dan dengan wujudnya susunan masyarakat yang berasaskan pengagihan kekayaan secara adil dan persaudaraan sesama manusia: Tiada orang akan hidup dalam kemiskinan dan kesusahan kerana tiada kerja. Sebaliknya, setiap orang akan dapat menguasai hidupnya secara sepenuhnya, melakukan perkara yang digemarinya tanpa risau sama ada cukup makan atau tidak, memperkembangkan bakatnya secara sepenuhnya dan mengenali makna kehidupan secara menyeluruh. Segala kekayaan masyarakat yang dihasilkan, akan dapat digunakan sepenuhnya untuk kebaikan bersama manusia. Namun, mimpi indah ini hanya sekadar khayalan, malah boleh bertukar menjadi mimpi ngeri, sekiranya kita tidak memperjuangkan sebuah masyarakat yang lebih adil dan demokratik pada hari ini juga. Sama ada untuk mimpi indah atau mimpi ngeri itu jadi realiti, kita perlu berorganisasi untuk memperjuangkan kepentingan rakyat marhaen dan membina sosialisme dari sekarang juga. ##

Cukai ke atas mahakaya

Agihkan semula kekayaan untuk kemakmuran bersama

Menuju sistem percukaian yang lebih adil

Cukai dikutip oleh kerajaan daripada rakyat sepatutnya mempunyai kegunaan berikut:

- Membiayai perbelanjaan kerajaan.
- Mengagihkan semula kekayaan negara.

Sistem percukaian yang adil dapat menjamin kemakmuran bersama. Percukaian progresif membolehkan golongan yang lebih kaya menyumbang lebih pendapatan mereka, supaya kekayaan itu dapat digunakan untuk menyediakan perkhidmatan asas kepada seluruh rakyat, maka kekayaan masyarakat dapat diagihkan semula dengan cara ini dan golongan yang miskin dapat memperbaiki hidup mereka.

Sistem percukaian yang progresif dan adil dapat menjamin kebaikan bersama rakyat. Namun, di bawah dasar ekonomi neoliberal yang diamalkan kerajaan negara kita sejak zaman Mahathir sehingga kini, sistem percukaian progresif dihakis dan digantikan dengan sistem percukaian regresif. Percukaian regresif memaksa golongan miskin membayar nisbah cukai yang lebih tinggi berbanding golongan kaya. Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang mula dilaksanakan sejak 1 April 2015, merupakan sejenis cukai regresif yang mengenakan cukai ke atas semua rakyat yang membeli barangan dan perkhidmatan tanpa mengira tahap pendapatan.

Di negara kita pada hari ini, golongan mahakaya dapat mengelakkan diri daripada membayar cukai, sementara rakyat marhaen terpaksa menanggung kos hidup yang semakin meningkat termasuk disebabkan oleh beban cukai GST. Golongan mahakaya menggunakan kelemahan sistem cukai untuk menjadikan mereka lebih kaya, tetapi rakyat marhaen yang menanggung sengsara. Jurang pendapatan antara yang kaya dengan yang miskin semakin melebar akibat sistem percukaian yang tidak telus dan tidak adil.

Menurut laporan Global Financial Integrity (GFI), dianggarkan negara Malaysia mengalami kerugian sebanyak US\$ 431 bilion (bersamaan lebih kurang RM 1.8 trilion) daripada pengaliran keluar wang secara haram antara tahun 2005 hingga 2014. Wang yang mengalir keluar dari negara kita ini tidak dikenakan cukai. Segelintir golongan kaya memindahkan kekayaan mereka keluar dari negara kita, menyimpan kekayaan di tempat berlindung cukai di

luar pesisir, untuk mengelakkan diri daripada membayar cukai. Ini adalah satu perbuatan yang tidak bertanggungjawab. Membiarkan golongan kaya melarikan diri dengan kekayaan yang tidak dicukai, bermakna menafikan hak rakyat marhaen untuk menikmati kekayaan masyarakat yang dihasilkan daripada usaha mereka.

Keuntungan golongan korporat dan kekayaan yang bertimbun-timbun untuk golongan mahakaya tidak muncul secara tiba-tiba, tetapi adalah hasil usaha pekerja yang menaburkan tenaga kerja mereka. Namun, golongan pekerja dan rakyat marhaen yang sebenarnya mencipta kekayaan masyarakat tidak dapat menikmati secara adil hasil titisan peluh dan kebijaksanaan mereka, kerana segala keuntungan dibolot sepenuhnya oleh golongan kapitalis besar, lebih-lebih lagi kelemahan yang wujud dalam sistem percukaian.

Sejak zaman Mahathir, cukai pendapatan ke atas golongan terkaya dan cukai korporat telah dikurangkan dari masa ke semasa. Kadar cukai korporat telah dikurangkan secara beransur-ansur daripada 40% ke 24% pada takat ini di bawah pentadbiran Najib. Kerajaan mahu kurangkan lagi kadar ini untuk bersaing dengan negara pro-kapitalis seperti Singapura. Pengurangan kadar cukai korporat yang berterusan bermakna pengurangan dalam pendapatan kerajaan. Ini akan menyebabkan kerajaan berhutang lebih tinggi ataupun terpaksa mengurangkan perbelanjaan sosial yang bertujuan untuk menjamin kebajikan rakyat. Keadaan sebegini sudah wujud pada takat ini, di mana peruntukan sebenar untuk perkhidmatan asas seperti kesihatan awam dan pendidikan telah

dikurangkan, di mana rakyat biasa yang akan menjadi mangsa kepada sistem percukaian yang berpihak kepada golongan kaya ini.

Untuk mengurangkan jurang kekayaan antara yang kaya dengan yang miskin, mewujudkan keadilan sosial dan memastikan seluruh rakyat menikmati perkhidmatan asas berkualiti dan kebaikan bersama (seperti kesihatan, pendidikan, pengangkutan awam dan perumahan sosial), kita perlukan sistem percukaian yang lebih adil.

Sistem percukaian yang lebih adil bermakna kerajaan tidak akan meminta rakyat biasa untuk membayar lebih banyak cukai daripada pendapatan sederhana mereka. Kerajaan perlu memastikan kadar cukai pendapatan tidak meningkat bagi mereka yang berpendapatan sederhana dan rendah, iaitu M40 ke bawah.

Golongan mahakaya perlu dicukai dengan kadar yang lebih tinggi. Kekayaan bertimbun-timbun mereka bukan semuanya usaha mereka sendiri, sebaliknya kebanyakan dicipta melalui pemerasan ke atas golongan pekerja dan kelas marhaen yang menaburkan keringat mereka. Kekayaan golongan mahakaya yang tidak dikongsi semula itu akan ditimbun lebih banyak lagi melalui aktiviti spekulatif seperti "pelaburan" dalam sektor kewangan yang tidak menghasilkan apa-apa yang berguna. Ketidakadilan sosial yang wujud daripada pengagihan kekayaan masyarakat yang tidak adil, akan mendatangkan lagi lebih banyak masalah seperti jenayah, ketidakstabilan masyarakat dan pembiakan fahaman ekstrimis.

Kerajaan patut melaksanakan

rombakan semula ke atas sistem percukaian dengan langkah-langkah berikut:

- **Hapuskan cukai GST** yang memiskinkan rakyat.
- Menaikkan secara beransur-ansur kadar cukai pendapatan untuk Banjaran Pendapatan Bercukai yang tertinggi (> RM 1,000,000) sekurang-kurangnya ke tahap 40%.
- **Menaikkan** secara beransur-ansur kadar **cukai korporat** ke atas 1% syarikat terbesar sekurang-kurangnya ke tahap 40%.
- **Kembalikan cukai warisan harta**, iaitu cukai yang dikenakan ke atas tinggalan harta pusaka dan ke atas pemindahan aset dalam kalangan golongan kaya yang bernilai lebih RM 5 juta.
- **Naikkan kadar cukai keuntungan harta tanah**, supaya membendung spekulasi harga harta tanah dan rumah.
- **Perkenalkan cukai keuntungan modal** atau cukai transaksi kewangan, iaitu cukai yang dikenakan ke atas keuntungan daripada urusan saham dan derivatif kewangan. Pendekatan ini dapat juga membendung aktiviti spekulasi kewangan yang mengancam kestabilan ekonomi.
- **Perketatkan kawalan** terhadap individu terkaya dan syarikat korporat besar untuk menghalang mereka daripada melarikan diri daripada tanggungjawab membayar cukai yang sepatutnya.

Untuk memastikan cukai yang dikutip digunakan secara telus dan optimum tanpa pembaziran, kita perlukan sistem politik yang lebih demokratik dan membolehkan pemantauan ketat daripada rakyat biasa. Dengan adanya sistem percukaian yang lebih

adil, kerajaan akan mempunyai dana untuk memastikan rakyat menikmati perkhidmatan asas seperti pendidikan percuma sehingga tahap tertiar, kesihatan percuma, pengangkutan awam yang efisien dan perumahan sosial yang berkualiti tinggi.

Hanya dengan menuju sistem percukaian yang lebih adil, barulah kita dapat memastikan seluruh rakyat di negara kita menikmati kemakmuran masyarakat, bukannya hanya segelintir kecil golongan yang mahakaya. ##



Hari Pelarian Sedunia

Hari Pelarian Sedunia (HPS) diisytihar oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk menghormati keberanian, kekuatan dan keazaman wanita, lelaki dan kanak-kanak yang terpaksa meninggalkan rumah mereka akibat ancaman penganiayaan, konflik dan keganasan. Setiap tahun, pada 20 Jun, Hari Pelarian Sedunia disambut.

Suruhanjaya Tinggi Bangsa-bangsa Bersatu untuk Pelarian (UNHCR), ataupun dikenali sebagai Agensi Pelarian PBB, telah ditubuhkan pada 14 Disember 1950 oleh Perhimpunan Agung PBB. UNHCR melindungi hak dan kesejahteraan pelarian dan orang tanpa kerakyatan. Lebih daripada enam dekad, agensi ini telah membantu puluhan juta orang dalam memulakan semula kehidupan mereka. UNHCR berada di barisan hadapan dalam semua krisis kemanusiaan utama dunia, termasuk di Syria, Iraq, Republik Afrika Tengah, Afghanistan, Sudan Selatan, Republik Demokratik Congo, dan sebagainya. UNHCR, sedang menjalankan kempen #WithRefugees (berdiri bersama pelarian) untuk menghantar mesej yang jelas kepada kerajaan-kerajaan bahawa mereka mesti bertindak secara bersatu dan mengambil tanggungjawab bersama untuk:

- Memastikan setiap kanak-kanak pelarian mendapat pendidikan.
- Memastikan setiap keluarga pelarian mempunyai tempat yang selamat untuk hidup.
- Memastikan setiap pelarian boleh bekerja atau belajar kemahiran baru untuk membawa sumbangan positif kepada komuniti mereka.

Andakah anda bersama pelarian?

Trump, pelarian dan polisi penempatan semula



Kebelakangan ini, sentimen anti-migran dan anti-pelarian semakin kuat. Kemerosotan ekonomi, jurang antara yang kaya dengan yang miskin semakin melebar serta kegagalan polisi-polisi ideologi kapitalisme adalah punca ketidakpuasan hati di kalangan rakyat marhaen. Negara-negara dunia yang sedang melalui pilihanraya pula menggunakan propaganda bersifat nasionalisme dan anti-migran untuk menjustifikasi kemelesetan ekonomi. Kapitalisme dipuji, migran dan pelarian dikeji! Pemikiran mereka memang sempit.

Laporan Oxfam telah menunjukkan bukti tentang jurang antara yang kaya dengan yang miskin yang semakin membesar. Gambarajah 1 menerangkan peningkatan kekayaan 62 individu (542 billion dollar) sejak tahun 2010 berbanding kemiskinan yang semakin merosot di kalangan 3.6 bilion penduduk dunia termiskin sejak 2010. Ini bererti 62 orang itu memiliki kekayaan bersama 3.6 bilion penduduk. Apakah pelarian dan migran yang menyebabkan keadaan ini?

Donald Trump, seorang ahli perniagaan telah menjadi Presiden Amerika Syarikat ke-45. Semasa kempen pilihanraya tahun lalu, dia telah berjanji akan memulihkan ekonomi dan mewujudkan peluang pekerjaan. Bagaimana? Dengan menyekat kemasukan pekerja asing; dengan mengurangkan pengambilan pelarian; dengan membina tembok di

sempadan Mexico; dengan mengurangkan cukai perniagaan dan pelonggaran undang-undang yang sedia ada untuk membolehkan perniagaan-perniagaan “berkembang” tanpa peraturan atau polisi yang menyekat “hak peniaga”.

Program penempatan semula pelarian, dilaporkan telah dikurangkan kepada 50,000 oleh Trump pada tahun ini berbanding 100,000 yang dipersetujui oleh Barack Obama, bekas presiden AS. Sentimen anti-migran dan anti-pelarian juga adalah sebab utama Britain keluar dari Kesatuan

Eropah. Beberapa negara Eropah Timur seperti Poland, Romania dan Hungary juga mengambil posisi anti-pelarian. Parti-parti politik yang anti-migran semakin popular, sikap perkauman berleluasa.

Negara-negara yang menghormati atau mengizinkan pelarian

Dilaporkan bahawa negara Asia dan Afrika adalah tuan rumah kepada 3/4 daripada jumlah pelarian di dunia. Namun, hanya beberapa negara di Asia seperti Kemboja, China, Filipina dan Jepun yang menandatangani Konvensyen Pelarian berbanding majoriti negara di Afrika. Kebanyakan negara-negara di Barat dan Amerika Selatan telah menandatangani konvensyen ini dan mempunyai polisi-polisi atau undang-undang untuk memproses dan mengurus pelarian yang masuk ke negara mereka. Antaranya ialah:

- Turki: lebih daripada 3 juta pelarian Syria diberi perlindungan.
- Jerman: polisi pintu terbuka. Angela Merkel telah mencetuskan protes yang pro dan anti pelarian. Dianggarkan 300,000 pelarian di Jerman.
- Sweden: destinasi utama. Polisi pemastautin tetap kepada pencari suaka.

- Kanada: di bawah program penempatan semula, 25,000 pelarian berada di Kanada.

- Venezuela: walaupun menghadapi krisis ekonomi, mereka sedia menerima 20,000 pelarian Syria.


Yemen, adalah satu-satunya negara di Semenanjung Arab yang menandatangani konvensyen Pelarian. Konflik dalaman di negara tersebut telah merumitkan situasi kemanusiaan untuk rakyat tempatan dan pelarian. Yemen mempunyai lebih kurang 280,000 orang pelarian.

Meraikan keberanian, kekuatan dan keazaman

Walaupun Malaysia masih belum menandatangani konvensyen ini tetapi sejak tahun 1970-an, Malaysia mengizinkan pelarian “menduduki sementara” sehingga mereka ditempatkan semula. Di Malaysia, terdapat lebih 150,000 pelarian dan pencari suaka. Masyarakat ini tiada hak untuk bekerja, tiada hak untuk bersekolah dan tiada hak untuk bergerak. Mereka terpaksa bekerja secara tidak sah untuk keperluan asas mereka. Mereka sering ditindas oleh majikan, polis dan orang tempatan. Kehidupan mereka sentiasa dalam ketakutan. Namun, kebanyakan mereka, melawan arus untuk terus hidup. Semangat dan kegigihan mereka harus dipuji.

Tahun lalu, kerajaan Malaysia telah bersetuju memberi perlindungan kepada 3,000 orang rakyat Syria. Anehnya, kerajaan menggelar mereka “migran” dan bukannya pelarian. Malaysia juga sedang membuat satu projek perintis dengan memberi kebenaran bekerja kepada 300 pelarian Rohingya. Alangkah bagusnyanya, kalau kesemua pencari suaka dan pelarian di Malaysia yang berdaftar dengan UNHCR diberi kebenaran bekerja secara sah, sebagai hadiah Hari Pelarian Sedunia.

Selamat Menyambut Hari Pelarian Sedunia. ##



Gambarajah 1



Sosialisme dah gagal di Venezuela?



Negara Republik Bolivar Venezuela sedang dilanda gelombang protes yang dipimpin oleh golongan pembangkang dan mensasarkan kerajaan pimpinan Nicolás Maduro serta Revolusi Bolivar yang dimulakan sejak tahun 1999 apabila Hugo Chávez menjadi Presiden Venezuela. Melalui imej, video dan liputan harian, media aliran utama antarabangsa cuba menggambarkan Presiden Maduro sebagai seorang diktator (seperti yang pernah dilakukan ke atas Chávez), kerajaannya semakin autoritarian, negara Venezuela dah menjadi negara mafia, dan proses membina Sosialisme di Venezuela telah menemui kegagalan. Sejauh manakah kebenaran di sebalik tohmahan-tohmahan yang memberikan gambaran negatif tentang Revolusi Bolivar dan Sosialisme di Venezuela ini?

Perkara paling asas yang perlu kita faham adalah, konflik yang berlaku di Venezuela pada takat ini merupakan pertembungan kelas antara golongan oligarki atau elit politik yang lama bertapak di negara Venezuela dengan kerajaan yang dilahirkan daripada kebangkitan golongan rakyat bawahan. Puak berhaluan kanan yang memimpin protes anti-kerajaan di Venezuela ingin merampas kembali kuasa politik mereka dan menghancurkan segala pencapaian Revolusi Bolivar yang telah memperbaiki kehidupan rakyat bawahan. Ini adalah perjuangan kelas.

Cabaran-cabaran yang sedang dihadapi oleh Revolusi Bolivar di Venezuela pada hari ini adalah:

- i. **Masalah ekonomi** yang diwujudkan akibat daripada **sabotaj golongan kapitalis**.
- ii. **Keganasan politik** yang dimulakan dan diperhebatkan oleh puak **pembangkang berhaluan kanan**.
- iii. **Ancaman campurtangan kuasa imperialis**.
- iv. **Birokrasi** dalam parti pemerintahan dan kerajaan yang menjadi penghalang kepada proses memperkasakan rakyat dalam menguasai nasib mereka sendiri.
- v. **Amalan rasuah** (wujud dalam kedua-dua pemerintah dan pembangkang) yang menimbulkan ketidakpuasan hati di kalangan rakyat biasa.
- vi. Bagaimana mempertahankan pencapaian sosial yang diperoleh sejak Revolusi Bolivar daripada serangan pembangkang yang mahu

kembalikan kekuasaan oligarki.

- vii. Bagaimana **memperdalamkan demokrasi popular** yang dibina sejak Revolusi Bolivar untuk memperkasakan rakyat bawahan dengan lebih lanjut lagi.
- viii. Bagaimana memajukan lagi **usaha membina Sosialisme** (iaitu masyarakat yang samarata dan bebas daripada pemerasan) dalam suasana ancaman daripada puak berhaluan kanan yang berterusan.

Keganasan pembangkang berhaluan kanan

Kematian yang dilaporkan dalam media arus perdana seolah-olah semuanya salah kerajaan Venezuela. Namun, jika diteliti kematian yang berkaitan dengan protes baru-baru ini, daripada jumlah kematian 68 orang (yang berlaku antara 4 April hingga 29 Mei 2017), 10 orang mati kerana tindakan kerajaan, 15 orang mati akibat terus daripada keganasan pembangkang, 5 orang mati akibat secara tidak langsung berkaitan dengan keganasan pembangkang, 29 kematian masih disiasat penyebabnya dan 9 lagi orang mati akibat kemalangan. Adalah amat jelas bahawa bukannya kesemua kematian disebabkan oleh kerajaan, malah pembangkang yang bersifat keganasan juga menyebabkan kematian. Polis dan pegawai kerajaan yang terlibat dalam kematian orang awam telah diberhentikan tugas dan disiasat.

Keganasan politik yang dilakukan oleh pembangkang berhaluan kanan di Venezuela adalah amat serius. Adanya penyokong kerajaan ditembak mati oleh penembak hendap (*sniper*), dan ada juga penyokong kerajaan yang menyertai demonstrasi dibunuh dengan beg ais yang dibuang dari bangunan yang diduduki oleh puak pembangkang. Demonstran pembangkang berhaluan kanan juga menyerang hospital. Selain peserta demonstrasi yang pro-kerajaan, aktivis pro-Revolusi Bolivar turut menjadi sasaran keganasan politik pembangkang, antaranya:

- Esmin Ramirez, seorang aktivis kesatuan sekerja yang pro-Chávez di negeri Bolivar, telah diculik dan dibunuh.
- Jackeline Ortega, seorang pemimpin akar umbi Parti Sosialis Bersatu Venezuela (PSUV) yang juga merupakan Jawatankuasa Pengeluaran dan Pengagihan Tempatan (CLAP) di Santa Lucia,



negeri Miranda, telah dibunuh di rumah kediamannya oleh 4 orang penembak yang tidak diketahui identiti. Anaknya juga dibunuh 5 hari sebelum itu.

Cubaan oligarki untuk kembali berkuasa

Golongan oligarki dan elit politik lama sanggup menggunakan keganasan melampau untuk merampas semula kekuasaan politik mereka yang hilang sejak 18 tahun dahulu.

Golongan oligarki dan elit politik lama yang dimaksudkan ini wujud berpuluh tahun lamanya sebelum Chávez mengambilalih kuasa dan memulakan Revolusi Bolivar. Golongan ini telah menikmati kekayaan sumber petroleum Venezuela dan mengekalkan dominasi mereka ke atas sebuah masyarakat yang sangat tidak samarata. Golongan ini juga amat rapat dengan kuasa imperialis Amerika Syarikat.

Golongan oligarki dan elit politik lama telah kehilangan kuasa politik dan beberapa keistimewaan mereka selepas Chávez melancarkan Revolusi Bolivar yang bertujuan untuk memperkasakan rakyat bawahan dalam mengubah nasib mereka. Namun, golongan oligarki dan elit politik lama masih menguasai sebahagian besar ekonomi di negara Venezuela. Harta milik mereka juga tidak pernah dirampas oleh kerajaan Chávez mahupun Maduro. Walau bagaimanapun, golongan oligarki dan elit politik lama amat tidak senang hati dengan dasar-dasar kerajaan mengagihkan semula kekayaan negara untuk menambahbaikkan kehidupan rakyat biasa, kerana mereka mahu membolot semua kekayaan itu dan mengekalkan ketidakadilan sosial.

Pembangkang berhaluan kanan di Venezuela terdiri daripada banyak puak yang berpecah-belah. Kebanyakan mereka bergabung dalam satu gabungan parti politik yang bergelar “Meja Bulat Perpaduan Demokratik” (*Mesa de la Unidad Democrática*, MUD). Antara parti-parti utama dalam gabungan ini adalah “Keadilan Pertama” (*Primero Justicia*) yang dipimpin oleh Henrique Capriles Radonski, “Kehendak Popular” (*Voluntad Popular*) yang dipimpin oleh Leopoldo López, “Tindakan Demokratik” (*Acción Democrática*)

yang merupakan salah satu antara dua parti borjuasi utama yang mendominasi politik Venezuela dari tahun 1958-1998 dan “Datang Venezuela” (*Vente Venezuela*) yang dipimpin María Corina Machado yang rapat dengan politikus Republikan di AS.

MUD telah menang dalam Pilihanraya Parlimen pada Disember 2015 dengan menguasai 109 daripada 167 kerusi dalam badan perundangan, Perhimpunan Nasional (*Asamblea Nacional*). Puak yang moderat dalam pembangkang mengharapkan supaya dapat menjatuhkan kerajaan Revolusi Bolivar dengan memperoleh kemenangan dalam pilihanraya hasil daripada situasi ekonomi dan politik yang semakin teruk, manakala puak yang lebih ekstrim dalam pembangkang pula cuba menggunakan apa jua cara (khususnya melalui keganasan dan campurtangan kuasa luar) untuk menjatuhkan kerajaan Venezuela sekarang ini.

Henrique Capriles yang dianggap sebagai tokoh politik yang dapat menyatukan pembangkang berhaluan kanan di Venezuela, berketurunan daripada salah sebuah keluarga terkaya di Venezuela, mewakili kepentingan oligarki sejak dia terlibat dalam politik walaupun dia cuba mempergunakan retorik yang populis untuk menarik sokongan. Capriles mencabar Chávez dalam Pilihanraya Presiden pada tahun 2012, tetapi kalah dengan undian 44.3%. Dia bertanding lagi dalam Pilihanraya Presiden pada tahun 2013, tetapi kalah pada Maduro dengan undian 49.1%. Capriles telah dipilih menjadi Gabenor Negeri Miranda sejak tahun 2008. Pada April 2017, Capriles dihalang untuk memegang jawatan awam untuk 15 tahun atas pertuduhan menyalahgunakan dana awam.

Seorang lagi pemimpin pembangkang Venezuela yang diangkat tinggi oleh media arus perdana antarabangsa ialah Leopoldo López. López yang juga berasal daripada golongan 1% terkaya di Venezuela, merupakan seorang politikus yang menggunakan ucapan benci untuk meraih sokongan. Lopez telah disabit dan dipenjarakan pada tahun 2014 atas kesalahan menimbulkan rusuhan, keganasan, perbuatan membakar harta dengan sengaja dan kerosakan harta awam. Kedua-dua Capriles dan Lopez menyokong rampasan kuasa tentera pada tahun 2002.

(sambung di m/s 13)

(sambung dari m/s 12)

Rampasan kuasa tentera pada 11 April 2002, dilakukan oleh puak pembangkang berhaluan kanan untuk menjatuhkan kerajaan pimpinan Chávez pada masa itu. Sebelum rampasan kuasa tentera berlaku, pihak pembangkang menganjurkan demonstrasi yang mencetuskan rusuhan dan berlakunya kematian di jalanan, termasuk penyokong kerajaan dibunuh. Selepas merampas kuasa, puak berhaluan kanan cuba membubarkan segala insituti demokrasi yang wujud, menahan pegawai-pegawai yang menyokong Chávez dan menghapuskan dasar-dasar pro-rakyat yang diperkenalkan Chávez. Namun, rampasan kuasa tersebut hanya bertahan untuk satu hari sahaja sebelum digagalkan oleh kebangkitan rakyat yang mempertahankan Revolusi Bolivar.

Sejak Chávez melancarkan Revolusi Bolivar, kerajaan Venezuela sentiasa menghadapi ancaman daripada puak pembangkang berhaluan kanan dan juga imperialis AS. Dasar-dasar yang diamalkan oleh Kerajaan Venezuela untuk membawa proses Revolusi Bolivar dan Sosialisme Abad ke-21, telah menggugat kepentingan golongan oligarki dan elit politik lama serta kuasa imperialis AS di rantau Amerika Latin.

Cubaan golongan pembangkang berhaluan kanan untuk menjatuhkan kerajaan Bolivar di Venezuela sebelum ini termasuklah:

- Penutupan kilang oleh kapitalis untuk melumpuhkan ekonomi Venezuela pada bulan Disember 2001;
- Rampasan kuasa ketenteraan pada bulan April 2002;
- Penutupan industri minyak petroleum selama 2 bulan, antara Disember 2002 hingga Januari 2003;
- Protes jalanan yang ganas, yang dikenali sebagai *guarimbas*, pada bulan Februari-Mac 2004, menyebabkan 9 orang mati;
- Protes ganas *guarimbas* selepas kemenangan Maduro dalam Pilihanraya Presiden pada tahun 2013, menyebabkan 7 orang mati;
- Protes *guarimbas* yang ganas pada Februari-Mac 2014, menyebabkan lebih 40 orang mati.

Nampaknya cubaan menimbulkan kekecohan dalam usaha menggulingkan kerajaan Bolivar di Venezuela sekarang ini lebih ganas lagi daripada yang sebelumnya.

Pemberontakan orang kaya

Masalah yang dihadapi Venezuela pada hari ini bukannya kerana kegagalan sosialisme, tetapi oleh sebab pendukung sistem kapitalis cuba menggunakan apa jua cara, termasuk keganasan yang melampau, untuk menggagalkan usaha mewujudkan alternatif yang berbeza daripada susunan kapitalis global dan membina sosialisme yang memperkasakan rakyat bawahan.

Apabila tercetusnya demonstrasi yang diterajui pembangkang berhaluan kanan dalam menentang kerajaan pimpinan Maduro pada



tahun 2014, protes hanya terhad di kawasan yang diduduki golongan kelas atasan yang kaya. Namun, situasi ekonomi yang semakin teruk dalam 3 tahun yang lepas, telah menimbulkan ketidakpuasan hati di kalangan rakyat yang menyokong Revolusi Bolivar pada awalnya. Walau bagaimanapun, masih ramai daripada golongan rakyat biasa yang menyokong proses Revolusi Bolivar dan tidak bersetuju dengan puak pembangkang yang cuba merampas kuasa dengan cara kekerasan.

Perang ekonomi dan ancaman campurtangan imperialis

Masalah ekonomi yang dihadapi Venezuela sekarang ini adalah kekurangan pembekalan barangan keperluan asas akibat daripada perang ekonomi yang dilancarkan oleh golongan oligarki yang masih menguasai 70% daripada pengagihan barangan asas. Pasaran gelap, penyorokan bekalan barangan asas dan manipulasi ke atas sistem pertukaran wang asing yang rumit, merupakan cara-cara yang digunakan oleh golongan oligarki untuk mewujudkan krisis ekonomi di Venezuela.

Taktik perang ekonomi yang digunakan oleh golongan oligarki yang anti-Revolusi Bolivar pada hari ini, bukannya sesuatu yang baru. Pada awal tahun 1970-an di Chile, apabila Salvador Allende, seorang ahli politik berhaluan kiri dipilih sebagai Presiden, golongan kapitalis oligarki di negara itu juga menggunakan taktik perang ekonomi yang lebih kurang sama, mewujudkan kekurangan bekalan barangan asas untuk menimbulkan situasi huru-hara di Chile, sehingga membolehkan panglima tentera melakukan rampasan kuasa dengan sokongan daripada CIA, dan menggantikan kerajaan yang dipilih secara demokratik dengan pemerintahan diktator Pinochet yang penuh kezaliman.

Serangan bertubi-tubi daripada golongan oligarki dan elit politik lama dengan sokongan daripada imperialis AS, merupakan punca utama kepada krisis

politik di Venezuela pada hari ini. Namun, terdapat kelemahan dalam kerajaan Revolusi Bolivar di Venezuela yang juga menyumbang kepada kebuntuan dalam menghadapi krisis ini. Kelemahan ini termasuklah:

- Kebergantungan kepada sumber pendapatan minyak petroleum – Kerajaan Venezuela dapat membiayai program-program kebajikan dan pro-rakyat dengan sumber pendapatan minyak apabila harga minyak mentah melambung tinggi di pasaran dunia. Namun, apabila harga minyak turun menjunam sejak tahun 2014, kerajaan Venezuela memang menghadapi masalah membiayai program sosialnya yang membantu rakyat. Kebergantungan kepada sumber pendapatan minyak juga menjadi batu penghalang kepada usaha untuk mempelbagaikan ekonomi di negara Venezuela. Walau bagaimanapun, terdapat usaha daripada kerajaan dan komuniti setempat untuk mempelbagaikan pengeluaran ekonomi tempatan bagi mengatasi kelemahan ini.
- Birokrasi – Kewujudan lapisan birokrat dalam parti pemerintah dan kerajaan menjadi penghalang kepada proses pendemokrasian dan pemeraksanaan rakyat bawahan.
- Rasuah – Ini bukan sesuatu yang unik di Venezuela tetapi merupakan salah satu faktor menimbulkan ketidakpuasan hati rakyat biasa terhadap kerajaan, termasuk golongan yang sokongan Revolusi Bolivar. Amalan rasuah sebenarnya juga amat berleluasa di kalangan pembangkang berhaluan kanan. Melawan rasuah merupakan satu cabaran untuk menyelamatkan proses Revolusi Bolivar.

Pertubuhan Negara-negara Amerika (OAS) telah menyokong puak

berhaluan kanan di Venezuela dengan mengancam bahawa ia akan menggunakan apa yang dipanggil “Piagam Demokratik” untuk campurtangan dalam hal ehwal dalaman Venezuela. Sementara itu, Laksamana Kurt W. Tidd, Komander Arah Selatan AS, juga memberi amaran bahawa AS akan bertindak terhadap situasi “ketidakstabilan” di Venezuela, di mana ini merupakan isyarat bahawa AS akan mencampurtangan di Venezuela untuk membantu puak pembangkang berhaluan kanan. Tindakan sebegini oleh kuasa imeprialis telah mengancam kedaulatan Venezuela dan prinsip-prinsip rakyat Venezuela menentukan nasib sendiri. Ini merupakan sesuatu yang membimbangkan. Rakyat dunia tidak patut membiarkan Venezuela menjadi satu lagi Syria.

Solidariti untuk Revolusi Bolivar

Jikalau puak pembangkang berhaluan kanan berjaya menggulingkan kerajaan Revolusi Bolivar di Venezuela, dengan sokongan kuasa imperialis AS, maka akan mendatangkan bencana yang lebih hebat lagi kepada rakyat Venezuela, kerana segala pencapaian sosial daripada proses Revolusi Bolivar untuk 18 tahun yang lepas akan dihancurkan sepenuhnya. Puak berhaluan kanan yang mewakili kepentingan golongan oligarki akan menghancurkan program misi sosial yang telah menaikkan kehidupan rakyat biasa, memulangkan syarikat dan tanah yang dimiliknegarakan kepada pemilik yang mahakaya, mengurangkan pencen warga tua dengan hebatnya, dan mengurangkan perbelanjaan dalam kesihatan serta pendidikan. Kegagalan Revolusi Bolivar di Venezuela juga akan memberi tamparan kepada kuasa-kuasa progresif dan mempunyai implikasi yang meluas untuk rantau Amerika Latin.

Nasib Venezuela hanya boleh ditentukan oleh rakyat Venezuela sendiri. Kita patut membantah segala cubaan campurtangan kuasa imperialis di Venezuela.

Golongan yang progresif di peringkat antarabangsa patut memberikan sokongan solidariti kepada rakyat Venezuela dalam mempertahankan Revolusi Bolivar daripada ancaman ganas puak berhaluan kanan. ##



Diari Anak Buruh



oleh K.Z. Iskandar Zulfaqar

Dalam keadaan samar-samar bertemankan segaris cahaya yang masuk melalui lubang celah pintu, aku dapat melihat ayah sedang bersiap untuk pergi ke kerja. Ayah sengaja tidak menghidupkan suis lampu kerana dia tidak mahu aku terjaga dari lelapku. Perlahan-lahan aku menarik jam yang terdapat di kepala katilku. Baru pukul 4.50 pagi. Inilah rutin harian ayah. Tepat jam 5 pagi, ayah akan keluar dari rumah menaiki basikal tuanya ke tempat kerja.

Ayah bekerja di sebuah pusat perlombongan. Walaupun ayah bekerja dalam kadar masa yang sangat lama dan kerjanya juga berat serta berbahaya, namun gaji yang dibayar kepada ayah hanya cukup untuk kami sekeluarga makan. Walaupun telah beberapa kali disuarakan tentang isu gaji pekerja, majikan ayah hanya membisu. Lebih teruk, tiada langsung tindakan daripada kerajaan yang dikenakan kepada majikan ayah kerana membayar gaji sedikit.

Pernah beberapa kali aku menyuarakan pendapat kepada ayah supaya ayah berhenti sahaja kerja di tapak perlombongan itu, tetapi ayah dengan tegas menolak. Ayah kata kalau dia tidak bekerja siapa nak sara kami sekeluarga. Pernah juga aku bersuara untuk berhenti sekolah dan bekerja bagi membantu keluarga. Namun, ayah dengan lantang membantah cadanganku itu.

Aku ingin berhenti sekolah bukan kerana malas, tetapi kerana aku kesian melihat ayah yang kudratnya semakin hari semakin pudar. Aku ingin sekali dia berehat dan biar aku sahaja yang bekerja. Tambahan pula, aku anak sulung. Tanggungjawab menyara adik-adik semuanya terpikul di atas bahu. Namun, apakan dayaku. Ayah menolak awal-awal lagi cadanganku itu. Keadaan kesihatan

ayah yang kurang baik juga tidak mengizinkan dia bekerja di tapak perlombongan itu, tetapi dia tidak pernah menghiraukan perkara itu.

Aku terjaga sepenuhnya dari tidurku pada jam 6 pagi. Ayah sudah pergi bekerja. Memang setiap hari begitu. Sukar sekali untuk aku meluangkan masa bersama ayah. Ayah akan pergi kerja sebelum aku bangun tidur dan akan pulang pada jam 10 malam. Ayah selalu akan tidur sebaik sahaja sampai di rumah dan solat, kerana keletihan kerja yang teramat. Begitulah kerahan tenaga kerja yang tidak berbaloi bayaran dengan gajinya. Ayah terpaksa melaluinya setiap hari.

Hatiku berasa tidak sedap sepanjang hari. Sepanjang di sekolah, aku hanya terfikirkan ayah. Bayangan wajah ayah tidak henti-henti bermain di dalam fikiranku. Aku dapat merasakan seolah-olah sesuatu yang tidak baik terjadi kepada ayah. Demi menyedapkan hati, aku mengabaikan sahaja perasaanku itu. Di dalam hatiku, aku tidak putus-putus berdoa supaya ayah sentiasa di bawah perlindungan Tuhan.

Usai waktu sekolah, aku pulang ke rumah seperti biasa. Selalunya mak tidak ada di rumah pada waktu ini, kerana mak akan pergi ke tempat kerja ayah untuk menghantar makanan tengah hari kepadanya, tetapi hari ini mak tidak pergi kerana dia kurang sihat. Mak meminta aku untuk menghantar makanan kepada ayah.

Tanpa melengahkan sebarang waktu, aku terus mengayuh basikalku menuju ke pusat perlombongan tempat ayah bekerja. Ayah mesti sudah lapar. Selalunya dia sudah makan pada waktu ini. Aku mengayuh laju supaya cepat sampai kerana kasihankan ayah.

Sebaik tiba di tapak perlombongan itu, aku tidak nampak langsung kelibat ayah. Perasaan bimbangku

kini bertambah. Aku hanya memikirkan perkara tidak baik sahaja pada waktu ini. Risiko bekerja di tapak perlombongan ini memang sangat tinggi. Semoga sahaja ayah tidak apa-apa.

“Ahmad! Kamu datang cari ayah kamu ke?”

Aku menoleh ke belakang setelah dilontarkan dengan pertanyaan itu. Pak Hamid, kawan ayah berdiri di belakangku sambil memegang sebatang cangkul.

“Ya Pak Hamid. Saya datang nak bagi makanan kepada ayah. Pak Hamid tahu tak di mana ayah?”

“Ayah kamu dalam pejabat bos. Bos panggil dia dari tadi.”

Lega hatiku mendengarkan kata-kata Pak Hamid itu. Aku sangat bersyukur ayah tidak apa-apa. Aku mengucapkan terima kasih kepada Pak Hamid dan segera bergegas ke pejabat bos ayah untuk memberikan makanan kepadanya.

Sebaik tiba di hadapan pintu pejabat itu, aku terdengar suara ayah meraung kesakitan di samping bunyi sepankan serta tumbukan. Tanpa berfikir aku segera menolak pintu pejabat itu.

“Ya Allah! Ayah!”

Kelihatan tiga orang lelaki berbadan gempal sedang asyik membelasah ayah sambil diperhatikan oleh bos yang sedang duduk di atas kerusi. Aku segera menghampiri ayah walaupun dihalang oleh salah seorang daripada lelaki-lelaki berbadan gempal itu. Dengan segala kudrat yang ada aku menolaknya ke tepi dan terus berlari mendapatkan ayah. Darah mengalir keluar daripada hidung dan mulut ayah.

“Kau nak tahu sebab apa ayah kau kena pukul? Ayah kau ni malas. Asyik nak berehat saja,” kata bos ayah sambil duduk bersilang kaki di atas kerusinya.

“Kau kejam! Majikan jenis apa kau ni?”

Tanpa sempat aku mengeluarkan lebih banyak kata-kata, ketiga-tiga lelaki berbadan gempal itu menarik aku dan ayah dan menolak kami keluar daripada pejabat itu. Aku mengangkat ayah dan membantunya untuk berjalan.

“Kamu dah nampak sekarang, Ahmad. Ayah selalu dilayan macam ni, tapi ayah tak bagitahu kamu dan adik-adik. Cuma mak sahaja tahu. Tapi hari ni sebab kamu yang datang hantar makanan, jadi kamu dah tahu,” jelas ayah.

“Ini tak boleh jadi ayah. Mereka kejam. Pekerja pun manusia juga.”

“Sudah lah Ahmad. Kita tak boleh buat apa-apa. Pekerja tiada hak bagi mereka. Mereka lah yang berkuasa. Hak pekerja tidak diendahkan oleh kerajaan, sebab itulah mereka bermaharajalela.”

Berjurai air mata ayah mengalir sambil menerangkan perkara itu. Aku hanya mampu tunduk mendengar segala rintihan ayah. Begitulah nasib buruh yang sememangnya diabaikan oleh kerajaan. Inilah jadinya apabila orang yang tidak pandai memimpin diangkat menjadi pemimpin. Aku memeluk erat ayah sambil berjanji aku sendiri yang akan perjuangkan hak ayah dan buruh lain. ##



KUIZ PEKERJA



Jawapan

Mengikut Seksyen 60E, Akta Kerja 1955, seseorang pekerja berhak mendapat cuti tahunan minimum berasaskan tempoh perkhidmatannya seperti berikut:

1 tahun atau lebih tetapi kurang 2 tahun	-	8 hari
2 tahun tetapi kurang 5 tahun	-	12 hari
5 tahun atau lebih	-	16 hari



Jika seseorang itu tiada wang untuk membeli sesuatu barang, dia pergi meminjam wang daripada seorang yang lain. Orang yang mendapat wang pinjaman itu adalah penghutang, manakala orang yang meminjam keluar wangnya itu adalah pemiutang. Wang yang dipinjamkan oleh pemiutang kepada penghutang itu perlu dipulangkan kepada pemiutang. Jika pemiutang itu sangat murah hati dan tidak mengharapkan apa-apa keuntungan daripada tindakan meminjamkan wang itu, maka hutang itu dapat dijelaskan apabila penghutang membayar balik jumlah wang yang dipinjam itu sahaja. Namun, jika pemiutang itu adalah seorang lintah darat, dia meminjamkan wangnya bukan disebabkan dia seorang yang baik hati atau suka menolong orang dalam kesusahan, sebaliknya dia mengharapkan pulangan yang lebih daripada tindakan meminjamkan wang kepada orang lain itu. Lintah darat akan mengenakan syarat kepada penghutangnya, supaya wang yang dipinjam itu dipulangkan dengan jumlah yang lebih banyak. Tambahan kepada jumlah wang hutang yang perlu dibayar balik itu dipanggil faedah, bunga atau riba.

Hutang adalah jumlah pinjaman (yang biasanya dalam bentuk matawang pada masa sekarang) yang perlu dibayar balik oleh penghutang kepada pemiutang.

Turun naik nilai matawang boleh menimbulkan gangguan kepada hubungan antara pemiutang dan penghutang. Kenaikan nilai matawang akan menyusahkan penghutang, manakala penurunan nilai matawang pula akan merugikan pemiutang.

Dalam masyarakat kapitalis, tujuan memberi pinjaman (atau mewujudkan hutang) bukan lagi untuk memastikan survival pemiutang, tetapi membolehkannya mendapat lebih keuntungan (pengumpulan modal).

Perkembangan kapitalisme kewangan

Hutang

menjadikan hutang sebagai suatu cara untuk pengumpulan modal kapitalis (tanpa menjalankan apa-apa aktiviti pengeluaran komoditi yang sebenar).


Terdapat 3 peringkat hutang:

- Peringkat mikro – hutang peribadi atau hutang isi rumah
- Peringkat makro – hutang negara atau hutang kerajaan (*sovereign debt*)
- Peringkat super-makro – hutang antarabangsa ataupun defisit daripada imbalan perdagangan

Ketiga-tiganya adalah saling berkait secara rapat. Untuk hutang di peringkat makro dan super-makro, komponen-komponen mereka tergolong dalam akaun negara yang sama.

Hutang peribadi adalah pinjaman (kredit) kewangan kepada individu dan isi rumah. Hutang ini diwujudkan sama ada untuk membeli barangan harian (dengan menggunakan kad kredit), atau pinjaman untuk membeli barangan pengguna yang tahan lama (seperti kereta), atau pinjaman untuk membeli harta domestik (seperti rumah untuk kediaman). Orang yang bekerja sendiri atau peniaga perseorangan (seperti penjaja, pemandu taksi, pelabur hartanah individu dan sebagainya) boleh juga mendapatkan bahan-bahan, alat-alat atau harta untuk membangunkan bisnesnya sendiri melalui saluran kewangan begini, iaitu hutang peribadi. Walau bagaimanapun, sebahagian besar hutang peribadi masih adalah untuk penggunaan peribadi (atau keluarga).

Perluasan hutang peribadi adalah



satu fenomena yang agak baru. Perkembangan bentuk hutang peribadi seperti “kontrak sewa beli” dan kemudiannya kad kredit, tidak berlaku secara umum hingga tahun 1970-an. Sejak itu, wujudnya usaha di hampir semua negara maju dan sebahagian negara sedang membangun

(seperti negara Malaysia sejak tahun 1990-an) untuk “menggagalkan” (atau memaksa secara halus dalam erti kata lain) pekerja supaya membeli rumah sendiri melalui pinjaman bank, mendapatkan pinjaman pengguna untuk membeli kereta dan barangan isi rumah, serta menggunakan kad kredit untuk membeli barangan penggunaan harian.

Hutang peribadi diwujudkan dalam sistem kapitalis yang mengalami krisis ekonomi (permintaan yang tidak mencukupi) untuk merangsang kuasa beli orang ramai. Jurang dalam permintaan agregat diisikan dengan perbelanjaan kepenggunaan isi rumah persendirian yang didorong oleh kredit (pinjaman).

Permintaan agregat merupakan satu konsep yang dibawa oleh teori ekonomi Keynesian, iaitu jumlah permintaan untuk barangan dan perkhidmatan dalam sesuatu ekonomi pada masa tertentu. Dasar Keynesian adalah meningkatkan permintaan agregat melalui perbelanjaan kerajaan, supaya dapat memberangsangkan ekonomi.

Pekerja meminjam wang untuk membeli rumah, kereta dan sebagainya. Ini bermakna kuasa belinya tidak mencukupi dan terpaksa meminjam wang. Kuasa beli yang diwujudkan melalui pemberian kredit ini adalah kuasa beli yang dijana secara tiruan. Pekerja itu sebenarnya membelanja pada tahap yang melebihi kemampuannya. Dia perlu memulangkan pinjaman itu dengan faedah kepada pemiutangnya (iaitu bank) secara beransur-ansur, dan ini bermakna gaji sebenar yang diperolehinya selepas itu akan berkurang (kerana sebahagian digunakan untuk membayar faedah pinjaman).

Kebanyakan hutang isi rumah persendirian disokong oleh nilai hartanah (rumah) milik isi rumah tersebut. Perbezaan antara perbelanjaan defisit kerajaan dengan hutang isi rumah persendirian adalah, sekiranya berlaku krisis kredit, kerajaan boleh menggunakan bank pusat yang dikawalinya untuk menjana (mencetak) wang atau mengurangkan hutang kerajaan melalui inflasi, tetapi isi rumah persendirian tidak mempunyai kuasa

Bahagian 1

untuk berbuat demikian. Oleh itu, mana-mana ekonomi yang berasaskan perluasan penggunaan isi rumah persendirian (yang didorong oleh kredit) akan terperangkap dalam kemelesetan jangka masa panjang, apabila kredit yang mendorong penggunaan itu runtuh bersama dengan harga rumah yang menyokongnya.

Krisis Kewangan Sedunia 2007 bermula dengan Krisis Gadaai Janji Subprima di Amerika Syarikat. Sebelum berlakunya krisis, wujudnya gelembung perumahan apabila kapitalis besar melakukan spekulasi ke atas harga rumah dengan mengumpukan rakyat biasa mengambil pinjaman perumahan walaupun tidak mampu bayar balik (melalui pemberian pinjaman perumahan dalam bentuk gadaai janji boleh laras “subprima”). Apabila semakin ramai orang tidak dapat membayar balik pinjaman itu dan harga rumah menurun, seluruh sistem kewangan itu mengalami krisis keruntuhan.


Hutang negara secara konsepnya adalah hutang yang dikumpulkan daripada sebarang defisit yang timbul daripada perbezaan antara pendapatan dan perbelanjaan kerajaan. Jika adanya defisit, iaitu perbelanjaan melebihi pendapatan, maka wujudnya hutang kerajaan.

Hutang antarabangsa pula secara konsepnya adalah akibat daripada ketidakseimbangan antara import dan eksport sesuatu negara dengan negara yang lain. Sesuatu negara “berhutang” sekiranya importnya melebihi eksportnya.

Perlu kita ingat bahawa, manusia yang hidup di muka bumi ini tidak berdagang dengan planet lain. Perdagangan dijalankan antara negara-negara di dunia ini. Maka, sudah pasti adanya negara yang importnya lebih daripada eksport dan sebaliknya. “Hutang antarabangsa” akan sentiasa wujud.

Walaupun hutang negara dan hutang antarabangsa berbeza secara konsepnya, tetapi sebenarnya hutang atau surplus bersih yang dikumpulkan oleh kerajaan wujud dalam satu akaun kira-kira yang sama untuk tujuan praktikal, iaitu defisit dalam pendapatan-perbelanjaan domestik boleh diimbangi dengan surplus perdagangan, dan begitu juga sebaliknya.

(sambung dalam edisi akan datang)



Ahli Parlimen PSM isytihar harta 9 tahun berturut-turut

Dr. Jeyakumar Devaraj, Ahli Parlimen PSM untuk kawasan Sungai Siput, telah mengisytihar hartanya pada 17 Mei lalu. Ini merupakan tahun ke-9 berturut-turut Dr. Jeyakumar mengisytihar hartanya sejak beliau dipilih menjadi Ahli Parlimen Sungai Siput sejak tahun 2008. Jika ditambah dengan pengisytiharan harta yang dibuatnya semasa menjadi calon pilihanraya pada tahun 2008, Dr. Jeyakumar telah mengisytihar harta kepada umum untuk 10 tahun berturut-turut.

Setakat ini, tiada seorang wakil rakyat yang mengisytihar harta setiap tahun tanpa gagal kecuali wakil rakyat daripada PSM.

Dalam sidang akhbar pengisytiharan harta pada 17 Mei, Dr. Jeyakumar juga membentangkan laporan kerjanya untuk setahun yang lepas.

PSM merupakan parti politik yang pertama di negara kita di mana semua calon pilihanrayanya dan wakil rakyat yang dipilih mengisytihar harta kepada umum. Sekarang ini, sudah adanya parti-parti politik lain yang cuba berbuat demikian walaupun tidak konsisten. PSM mengalu-alukan semua parti yang mengikut jejak ini dengan mengisytihar harta wakil rakyat mereka setiap tahun.

Pengisytiharan harta kepada umum merupakan satu amalan untuk memastikan ketelusan ahli politik yang dipilih untuk mewakili rakyat dalam sistem perundangan dan membolehkan rakyat memantau supaya wakil-wakil rakyat tidak menyalahguna kuasa atau kedudukan untuk memperkayakan diri mereka sendiri. Penglibatan dalam politik adalah untuk berkhidmat untuk rakyat dan memastikan dasar-dasar kerajaan menjamin kesejahteraan rakyat, bukannya untuk seseorang ahli politik itu menjadi kaya raya.

Dalam pembentangan laporan kerjanya, Dr. Jeyakumar telah menliai pencapaian janji pilihanrayanya. Antara 9 janji pilihanraya yang dibuat semasa pilihanraya pada tahun 2008, Dr. Jeyakumar dan PSM Sungai Siput telah berjaya mencapai kesemuanya kecuali satu, iaitu "mewujudkan Majlis Perundingan Rakyat Sungai Siput yang bersidang sekurang-kurangnya sekali setiap 6 bulan" tidak berjaya dilaksanakan. Memberi maklum balas tentang perkara ini, Dr. Jeyakumar mengaku bahawa Majlis Perundingan Rakyat tidak dapat dilaksanakan kerana tahap pendemokrasian di negara kita belum lagi sampai ke tahap di mana rakyat di peringkat akar umbi dapat melibatkan diri

secara aktif dalam proses membuat keputusan, kerana tidak wujudnya struktur politik dan juga budaya politik baru yang membolehkan proses ini. Oleh itu, usaha untuk memperjuangkan perubahan sistem politik dan mewujudkan budaya politik baru yang membolehkan rakyat akar umbi mengambil bahagian secara aktif dalam proses politik perlu diteruskan dan dipertingkatkan lagi.

Janji-janji pilihanraya Dr. Jeyakumar dan PSM untuk kawasan Sungai Siput yang telah dilaksanakan dan masih diteruskan secara konsisten adalah:

1. Meneruskan Pusat Khidmat Rakyat setiap minggu. Menggunakan sebahagian daripada gaji wakil rakyat untuk membiayai pembantu sepenuh masa dalam mengendalikan masalah rakyat di kawasan.
2. Sentiasa bersama rakyat biasa dalam perjuangan rakyat menuntut keadilan sosial.
3. Menubuhkan jawatankuasa penduduk di kawasan yang menghadapi masalah dan bekerja bersama penduduk demi mengatasi masalah mereka.
4. Membawa dan mempertengahan isu-isu rakyat di Parlimen, di samping menyampaikan aspirasi rakyat Sungai Siput kepada badan-badan kerajaan yang berkenaan.
5. Menghalang dan membantah rang undang-undang yang bercanggah dengan aspirasi dan kepentingan rakyat.
6. Mengisytihar harta dan memaparkannya di papan kenyataan umum sekali setiap tahun.
7. Menerbitkan buletin setiap 6 bulan untuk memberitahu tentang perkembangan terkini kawasan dan juga perbahasan dalam Parlimen.
8. Memberi maklumbalas kepada sesiapa yang mengesyorkan isu untuk dibentangkan dalam Parlimen.

Menurut Dr. Jeyakumar, beliau sendiri telah mengendalikan lebih kurang



750 kes di Pusat Khidmat Rakyat dalam tempoh setahun yang lepas. 3 orang pembantu sepenuh masa dan beberapa orang ahli PSM yang bekerja secara sukarela juga mengendalikan kes-kes aduan rakyat.

Antara isu-isu rakyat yang dibawa Dr. Jeyakumar dalam Parlimen, termasuk masalah pekerja kontrak (pekerja pembersihan dan pengawal keselamatan di sekolah), skim pampasan pemberhentian kerja, wajibkan pengarah syarikat bertanggungjawab terhadap ganti rugi pemberhentian kerja, jaminan makanan dalam negara, pindaan Kanun Tanah Negara untuk melindungi petani kecil, "perumahan majlis" untuk ibu tunggal, pencen warga emas sebanyak RM 300 sebulan kepada setiap individu berumur 70 ke atas, mencadangkan penubuhan jawatankuasa khas untuk meneliti RUU 355, keperluan wujudkan kategori "orang pelarian" dalam istilah Jabatan Imigresen, kaji semula prinsip-prinsip dasar TPPA, pembangunan tenaga yang boleh diperbaharui dan banyak lagi.

Dr. Jeyakumar juga menekankan pada isu pendanaan politik untuk parti-parti politik. Pada masa sekarang, kesemua parti utama bergantung pada sumbangan korporat untuk pendanaan politik, dan ini membawa kepada gejala rasuah dan ahli-ahli politik tunduk pada kehendak kapitalis bukannya rakyat yang memilih mereka. Dr. Jeyakumar menyarankan satu mekanisme pembiayaan kerajaan terus kepada semua parti politik secara adil di samping menyekat sumbangan dana daripada korporat kepada parti politik. ##

SURAT AKUAN

Saya, Michael Jeyakumar Devaraj, [redacted], beralamat 2A Jln Sitiawan, Lim Gardens, 30100 Ipoh, Perak D.R. dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa

Harta saya pada tarikh ini, 11hb Mei 2017, adalah seperti berikut -

1. Sebuah rumah semi-detached seperti beralamat di atas dengan anggaran harga pasaran RM150,000;
2. Empat buah kereta -
a/ Volvo WDP 8590 (1988) Anggaran Harga : RM 10,000
b/ Pajero WDP 7028 (1993) Anggaran Harga : RM 5,000.
c/ Perodua Kancil PDV 7664 (1997) Anggaran Harga : RM 2,000
d/ Nisan Sentra MAQ 7708 (2000) Anggaran Harga : RM 12,000
e/ Toyota Vios BHP 9858 (2005) yang dihidiahkan oleh bapa saudara saya. Anggaran Harga: RM 20,000
3. Simpanan Bank berjumlah lebih kurang RM 54,000
4. Simpanan KWSP lebih kurang RM 120,000
5. Saham-saham bernilai lebih kurang RM 48,200.
6. Nilai "Cash bonus" Polisi-Polisi Insurans berjumlah RM 10,884

Pendapatan saya sebagai Ahli Parlimen adalah RM 25,500 sebulan (termasuk elaun-elaun tetap) dan lebih kurang RM 20,000 daripada jumlah ini dibelanjakan setiap bulan atas kegiatan politik saya. Pendapatan pensen saya (Kementerian Kesihatan Malaysia) adalah RM 2,490 sebulan. Klinik saya di Kinta Medical Centre, Ipoh tetap mencatat kerugian lebih kurang RM 1000 setiap bulan.


Dan saya membuat surat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar menurut Undang-Undang Surat Akuan 1960.

Diperbuat dan sebenar-benarnya diakui oleh yang tersebut di atas ia-itu Michael Jeyakumar Devaraj.

[Signature]
Michael Jeyakumar Devaraj,

Di [redacted]
Pada 11 MAY 2017

Di Hadapan,



S. LETCHUMI DEVI
No. 33 Jalan Dato' Maharajalela
30000 Ipoh, Perak.

Surat akuan pengisytiharan harta oleh Dr. Jeyakumar Devaraj

KUIZ PEKERJA

Berapakah jumlah hari cuti tahunan yang layak diperolehi seseorang pekerja?
(Jawapan di m/s 14)


Sudut Komik

Nasib rakyat sebelum dan selepas pilihanraya

Sebelum Pilihan Raya



Selepas Pilihan Raya



CK
'2017

SELAMAT MENYAMBUT
HARI RAYA AIDILFITRI